

Penerbit: Institut Analisa Sosial (INSAN)
Pencetak: Penerbit Universiti Malaya

NADI Insan



NOVEMBER 1980
KDN 0049/80
ISSN 0126-9364
\$1.00

19
WAWANCARA:
AHMAD BOESTAMAM



AMERIKA SYARIKAT MENYERAP

- Batu Caves: Khazanah Alam
- Kaum Pekerja Terus Menggugat
- Cerpen: Daud Katak Lompat
- Maksud "Seni Untuk Masyarakat"
- Filem Pemberontakan: November 1828.



Mengenal Adat Resam dan Adat Istiadat Kaum-kaum di Malaysia

LATAR BELAKANG
KEBUDAYAAN ISLAM.
Dr. Muhamad Zaki Badawi.
56 Halaman.
\$1.10

LATAR BELAKANG
KEBUDAYAAN HINDU.
N.M. IDAIKKADAR.
47 Halaman.
\$2.00

LATAR BELAKANG
KEBUDAYAAN CINA.
Dr. Wang Gungwu.
75 Halaman.
\$2.00

ADAT RESAM DAN ADAT
ISTIADAT MELAYU
Syed Alwi Sheikh Al-Hadi.
104 Halaman.
\$4.00

Merakamkan satu persatu
adat resam dan adat istiadat
yang diwarisi oleh orang-
orang Melayu turun temurun.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR 08-08 • JALAN WISMA PUTRA PETI SURAT 803 • TELEFON: 481169 • 481240
CAWANGAN SABAH • BEG BERKUNCI 149 KOTA KINABALU SABAH • TELEFON: 58117
CAWANGAN SARAWAK • PETI SURAT 1390 KUCHING SARAWAK • TELEFON: AM 24171-2

NADI insan

BILANGAN 19

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
Redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud,
Dr. Jomo K.S., C. Ng. Rohana
Pelukis : Jaseni, Lim.
Pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.
Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jin. Riong, K.L.

NOVEMBER 1980

pena penyunting	2	
wawancara nasional	3	Boestamam: Dari KMM ke PSRM
antarabangsa	8	Pergerakan Tindakan Rakyat Dalam <i>Batu Caves</i>
	12	Amerika Syarikat Menyerap Nasihat Dengan Muslihat Sains Sosial Ala A. Syarikat Keselamatan Terikat Dasar Luar Amerika Syarikat
buruh	19	Pekerja Wanita Membangun Peristiwa SEA Firebricks
pojok kenangan	26	
cerpen	28	Maksud "Seni Untuk Masyarakat"
sajak	30	Daud Katak Lompat
seni	38	Khabar Dari Anak Jembel
filem	39	Lahirnya Dramatis Berjebat
	40	November 1828

Datuk Haji Ahmad Boestamam berusia 60 tahun pada bulan ini. Dalam wawancaranya dengan NI, Pak Boes mengisahkan riwayat hidup politiknya sejak mula menganggotai KMM pada tahun 30an, menubuhkan API dan kemudiannya Partai Rakyat 25 tahun lalu, sehingga masuk balik PSRM pada pertengahan tahun ini.



Semenjak awal tahun 60an, pengaruh Amerika Syarikat di Malaysia telah terus bertambah luas. Tetapi pengaruhnya telah berkembang dengan cara yang berbeza dengan penjajahan British dahulu. Cara-cara yang lebih halus ini tidak diketahui umum dan tidak mudah dikesani, dan oleh itu lebih berkesan dan mungkin lebih merbahaya.

Kisah sedih mengenai nasib Batu Caves sudah diketahui umum. Dalam keluaran NI ini, beberapa rencana cuba mendedahkan kepentingan-kepentingan yang terlibat yang sanggup memusnahkan khazanah alam yang tersendiri itu demi tujuan mencari laba. Siapa pula pihak yang sanggup membantah kepentingan-kepentingan ini?



Nasib kaum pekerja sekali lagi menarik perhatian umum. Keputusan kes South-east Asia Firebricks merupakan satu kejayaan bagi pihak pekerja dari segi undang-undang. Di Pulau Pinang pula, usaha-usaha pekerja kilang asing di Bayan Baru untuk mendapatkan syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik tidak begitu berjaya.

JIMATKAN WANG
NADI TERUS KE RUMAH ANDA

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00
Anda menjimatkan .50s \$2.00

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Di Luar Negeri	Mel Biasa	Mel Udara
Asia Tenggara	MS16	MS24
Asia Selatan, Asia Timur, Australia		
New Zealand	MS16	MS28
Timur Tengah, Eropah	MS16	MS36
	(4)	(£ 9)
Afrika, Amerika	MS16	MS44
	(US\$8)	(US\$22)

(Langganan Setahun)

Pena Penyunting

Apabila kita duduk memerhatikan sesuatu yang kosong, pancaran mata kita kerap mencari-cari sesuatu yang indah. Kita mengharapkan tempat-tempat yang bersejarah ini akan menjadi warisan anak cucu kita. Tetapi idaman ini akan menjadi suatu impian sekiranya sokongan yang tegas tidak diperolehi untuk menyelamatkan keindahan alam semula jadi. Contohnya *Batu Caves*. Lambang kebanggaan negeri kita ini sedang diancam, bukan sebab bencana alam tetapi bencana manusia yang direstui pula oleh pihak pemerintah berkesan. Ikutilah penjelasan terhadap masalah ini.

Peristiwa SEA Firebricks sudah mendapat perhatian orang ramai. Apa yang sebenarnya telah berlaku dan apa pula keistimewanya? Pekerja-pekerja telah membuat tuntutan untuk membentuk sebuah kesatuan tetapi cadangan mereka tidak dipersetujui oleh majikannya. Sejurus itu, pekerja-pekerja telah bermogok dan mereka telah disingkir dari pekerjaan mereka. Peristiwa ini telah berlaku lebih kurang enam tahun yang lalu. Ketabahan

hati mereka untuk memperjuangkan kebenaran nampaknya berjaya, tetapi malangnya, mereka telah dimangsakan pula. Sekiranya perkara ini dibiarkan begitu sahaja, kemungkinan besar kejayaan undang-undang yang tercapai hanya menjadi omong kosong sahaja.

INSAN telah mengadakan Malam Kenangan *30 Tahun ASAS 50* di Dewan Bahasa dan Pustaka baru-baru ini. Satu di antara tujuannya adalah untuk meneliti kembali perjuangan ASAS 50 dalam konteks pengaruhnya masa kini. Walaupun perjumpaan ini dianggap sederhana sahaja tetapi perbincangan yang berlaku seterusnya sungguh rancak dan dapat membongkar kembali isu-isu seperti *Seni Untuk Masyarakat*. Silalah ikuti ulasan kritis terhadap acara itu.

Kami telah diberi peluang keemasan untuk berwawancara dengan seorang tokoh politik yang telah mencatatkan sejarah perkembangan politik tanah air kita. Suara dan rupanya nampak garang tetapi keterangannya terhadap liku-liku hidup yang diharungi lembut. Tokoh ini ialah Datuk Haji Ahmad Boestamam yang lebih dikenali sebagai Boes. Perjuangan beliau dalam dunia politik kiri sudah pun tercatat dalam buku-buku sejarah, dan melalui wawancara yang berikut, kami cuba mengetahui apakah kontroversi yang menyelaputi sejarah politiknya melibatkan perubahan pendiriannya.



AL-KISAH KAPITALISME

Siri kartun *Al-kisah Kapitalisme* akan disambung bulan depan.

KESILAPAN

Sidang Redaksi *NI* memohon maaf atas beberapa kesilapan besar yang terdapat dalam keluaran Oktober (no. 18)

Di m.s. 1, ruangan-ruangan dengan lukisan seorang jururawat dan Masjidil Haram patut mengandungi foto.

Rencana di m.s. 19 harus berjudul *Penawanan Masjidil Haram*, sedangkan dalam kotak di m.s. 20 sepatutnya mempunyai judul *Penawanan Seorang Penentang?*

BOESTAMAM

DARI KMM KE PSRM

NI: Sila ceritakan sedikit tentang pengalaman Pak Boes sebelum perang yang mula membawa Pak Boes kepada bidang perjuangan politik.

AB: Ringkasnya, sebelum perang saya aktif dalam bidang kewartawanan. Jadi, pergaulan saya dengan wartawan-wartawan masa itu menimbulkan semangat perjuangan.

NI: Bilakah Pak Boes mula terlibat dalam gerakan politik?


AB: Saya mula terlibat waktu saya bertugas dalam Majlis pada awal tahun 40an. Jadi ketua pengarang Majlis, iaitu Ibrahim Hj. Yaakob (IBHY), ingin menubuhkan KMM, iaitu Kesatuan Melayu Muda. Pada masa penubuhan, saya tak terlibat sebab saya terpaksa menunggu di pejabat Majlis itu bila Ibrahim, Samad, dll. pergi. Tetapi kemudiannya, IBHY mendesak saya supaya masuk dalam KMM.

NI: Pada zaman penaklukan Jepun, bagaimana pula penglibatan Pak Boes?

AB: Begini. Saya bekerja di Majlis. Kemudian saya berhenti dan masuk Utusan Melayu, sama-sama dengan IBHY. Jadi apabila dekat-dekat perang, IBHY membuat hubungan dengan Jepun, dan terus membeli Warta Malaya. Sebelum itu saya sudah meninggalkan kerja. Saya menuntut kenaikan gaji dari \$30.00 ke \$60.00. Bila saya tak dapat, saya memberi 24 jam notis dan keluar. Jadi IBHY mempelawa saya menjadi wakil Warta Malaya di Kuala Lumpur, sambil menjalankan tugas sebagai penolong Setiausaha Agung KMM. Apabila Jepun mendarat, orang KMM di tahan British—mula-mula di Pudu dan kemudiannya di Singapura. Apabila British kalah, Jepun lepaskan kami dan saya balik terus ke Ipoh, bekerja dengan surat khabar Berita Perak. Berita Perak adalah alat Jepun. Saya memikirkan lebih baik saya bekerja dengan Jepun dari kerja di luar. Saya minta masuk bekerja dalam badan propaganda Jepun. Kerjanya sebagai penaipis cerita wayang bangsawan Melayu. Jadi dengan hal ini saya boleh dikatakan bekerjasama dengan Jepun—seperti juga dikatakan tentang Sukarno. Tapi saya terus menubuhkan satu gerakan underground bernama KITA iaitu Gerakan Kiri Tanahair.



Ketua Partai Rakyat



Kongres API di Melaka 24/12/46

K.I.T.A.

NI: KITA ini melibatkan berapa ramai anggota?

AB: *Tak ramai.*

NI: Bagaimana pula perhubungan KITA dengan badan-badan *underground* lain?

AB: *KITA mempunyai hubungan dengan MPAJA.*

NI: Apakah Ibrahim dan lain-lain terlibat dalam gerakan ini?

AB: *Tidak, ia tidak bercampur tangan. Ia masih terlibat dengan KMM. Buat masa itu, KMM tidak berapa aktif lagi.*

NI: Bagaimana sikap Pak Boes terhadap Jepun pada ketika itu?

AB: *Sikap luar kami adalah bekerjasama dengan Jepun, tetapi di belakang, kami kerja underground. Jepun tak sangka. Gerakan kami didaftarkan sebagai badan resmi di Pejabat Pendaftaran Jepun sebagai Barisan Pemuda Melayu. Badan ini direstui oleh Jepun dan kami mengadakan latihan tentera ala Jepun.*

NI: Jadi Barisan Pemuda Melayu ini digunakan untuk melindungi anggota KITA?

AB: *Ya, jadi BPM ini diketengahkan sebagai badan yang bekerjasama dengan Jepun, tetapi di belakang itu KITA mengadakan gerakan bawah tanah yang menghubungkan pula dengan orang yang bergiat di hutan.*

NI: Apakah kegiatan KITA?

AB: *KITA ini bertujuan memberikan laporan tentang*

hal ehwal luar Jepun sahaja sebab anggota KITA tak ramai. Jadi tak dapat KITA bertindak secara tegas. Tak lama masanya, Jepun pun serahkan diri.

K.R.I.S.

NI: Apakah Pak Boes melibatkan diri, dalam kegiatan KRIS?

AB: *Tak ada. Masa itu saya masih muda. Jadi IBHY anggap saya masih budak lagi. Jadi bila dia mengadakan perhimpunan KRIS itu, dia memandangkan tak perlu memanggil orang seperti saya. Dia memanggil orang seperti Datuk Onn, Dr. Burhanuddin dan ramai lagi. Kerana itu pula, maka saya menubuhkan BPM untuk menunjukkan IBHY bahawa Boes boleh menjadi pemimpin dan dengan penubuhan KITA, bahawa Boes boleh bergerak secara sulit juga. Kerana IBHY, dalam ucapan-ucapannya, selalu berkata, 'Dalam perjuangan, kita mesti tahu "mana terang yang tak ada gelap." Dalam satu bilik mesyuarat katanya "You boleh pasang sepuluh ribu lampu—terang, tetapi masih ada gelap." Jadi dia menunjukkan bahawa satu gerakan yang terang-terang itu mesti ada gerakan gelap-gelapnya.'*

NI: Jadi Pak Boes muncul sebagai seorang tokoh kepada peringkat kebangsaan selepas perang?

AB: *Apabila Jepun menyerah diri, tidak ada suatu parti pun untuk memimpin. Jadi kami mula-mula sekali menubuhkan surat khabar harian Suara Rakyat di Ipoh dengan beberapa kawan saya semasa saya bekerja di Berita Perak sebagai compositor.*

Zaman Bintang Tiga

NI: Pada zaman Bintang Tiga tidak ada apa-apa masalah?

AB: *Tidak. KITA ada hubungan. Jadi ke mana-mana saya pergi, KITA tidak dicurigai orang. Barisan Pemuda menjaminkan saya kepada Jepun. KITA menjaminkan saya kepada Bintang Tiga.*

NI: Kemudian, bila BMA berkuasa, apakah mereka juga tidak menghalang atau menyekat kegiatan Pak Boes?

AB: *Bila BMA berkuasa, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) sudah ditubuhkan dan Suara Rakyat sudah kekal. Masa itu tidak perlu surat izin untuk mengeluarkan surat khabar harian. Hari-hari kita hantam British. Jadi dipanggil ke ibu pejabat BMA—disuruh minta maaf. Saya kata tak mahu. Dia kata minta maaf itu bukan untuk disiarkan dalam apa-apa, cuma tulis surat saja. Jadi hari-hari saya buat silap, saya tuliskan satu surat minta maaf kepada dia.*

NI: Peranan Dr. Burhanuddin pada ketika itu tak banyakkah?

AB: *Peranannya belum banyak lagi. Masa kami adakan Kongres PKMM Moktaruddin menghilang. Maka, terpaksa kami melantik Dr. Burhanuddin sebagai pemangku pemimpin PKMM.*

Angkatan Pemuda Insaf

NI: Bolehkah Pak Boes ceritakan mengapa API ditubuhkan?

AB: Pada mulanya, kami memang tidak ada tujuan untuk menubuhkannya. PKMM hendak mengadakan satu perayaan untuk menyambut genap enam bulan usia Republik Indonesia. Saya cadangkan kita ada satu barisan pemuda di depan dewan perjumpaan itu yang kemas dan teratur. Bagaimana nak bentuknya? Itu senang. Di masa Jepun dulu, saya dan kawan-kawan lain memang sudah terlatih dengan caranya. Namanya pula saya syorkan Angkatan Pemuda Insaf, mengambil alih nama Angkatan Pemuda Indonesia. Dengan 50 orang kawan, kami telah membuat satu barisan yang hebat. Lalu badan itu dibuat tetap, pada 15hb Februari '46. Pada masa itu, perlembagaan tidak perlu.

NI: Bolehkah ceritakan sedikit tentang penubuhan PUTERA?

AB: Di masa itu ada persaingan antara PKMM dan UMNO. UMNO dewasa itu adalah gabungan banyak badan-badan, dan selalu bercakap besar bahawa ia lebih kuat dan kukuh oleh kerana itu. Dari cabaran itu, saya pun berusaha menyatukan badan-badan kiri. Lalu tubuhnya PUTERA.


Perlembagaan Rakyat

NI: Macam mana pula tentang penggubalan Perlembagaan Rakyat?

AB: Penggubalannya kami serahkan kepada Malayan Democratic Union (MDU) sebab mereka mempunyai banyak peguam dan lain-lain intelektual. Derafnya kami bincangkan bersama-sama. Asasnya adalah 10 Prinsip Rakyat. Pada mula mulanya 8, tetapi dua lagi dimasukkan oleh Dr. Burhanuddin, iaitu kerakyatan Melayu dan jus soli (dasar kerakyatan). API telah diberikan satu undi, dan di tangan sayalah terletak keputusan mukamad. Saya menyokong jus soli dengan sebab bahawa seorang yang diperbesarkan di negeri ini akan taat setia. Ini menyenangkan pihak AMCJA. Dalam soal kerakyatan pula, saya pilih definisi "Melayu" yang memberatkan pada isi, tidak kira apa bangsa atau ugama, asalkan lahir di negeri ini, mengaku ta'at setia dan berjuang untuk negeri ini, kita terima sebagai Melayu. Ini menyenangkan hati Dr. Burhanuddin. Dengan selesainya dua perkara ini, yang lain itu tidak banyak runding.

NI: API merupakan badan politik yang paling awal diharamkan pada tahun 1948. Kenapa?

AB: Pertamanya, kerana Testamen Politik kami. Kedua, saya pernah katakan API memberi masa dua tahun untuk mengangkat senjata. Dan ini telah diketahui oleh British, Jadi ketua badan perisik British, MI5, datang menemui saya. Dia menyoal saya apakah tujuan API itu untuk mendapat kemerdekaan; saya jawab, "Ya". Dan apakah caranya? Saya jawab dengan revolusi. Dia tanya lagi, "Bila?" dan saya jawab "Dua tahun" dan lalu



Boestaman dengan Pak Sako

halau dia keluar. Itulah kelemahan saya pada masa itu—cepat marah.

Partai Rakyat

NI: Pak Boes ditahan selama 7 tahun, keluar pada tahun 1955, lalu tubuh Partai Rakyat.

AB: Saya diajak oleh Dr. Burhanuddin dan beberapa orang lagi supaya menubuhkan sebuah parti baru. Pada mulanya, saya tidak sanggup sebab saya dibebaskan dengan banyak syarat, tapi lalu diarahkan supaya merangkaan perlembagaan. Buku-buku politik Indonesia disimak, saya tertarik dengan nama Partai Rakyat, tetapi ideologinya saya memilih Sukarno: social national democracy. Katanya itulah Marhaenisme. Sama.

NI: Bagaimana Dr. Burhanuddin menjadi ketua PAS pula?

AB: Dia adalah antara orang yang mula mencadangkan Partai Rakyat itu ditubuhkan dan dia telah berpidato di sidang kongres penubuhannya. Kemudian ia dipelawa memimpin PAS oleh bekas ahli-ahli PKMM yang banyak masuk PAS itu. Jadi Dr. Burhanuddin datang jumpa kami dalam suatu sidang Partai Rakyat. Dia meminta keizinan Partai Rakyat supaya ia memimpin PAS. Jadi sidang Partai Rakyat itu merestui dia masuk PAS dan memimpin PAS dengan syarat-syarat. Di masa ia memimpin PAS, dia tak pernah mengutuk Partai Rakyat.

Fron Sosialis

NI: Kemudian Partai Rakyat telah bergabung dengan Parti Buruh menjadikan Fron Sosialis. Bagaimana itu berlaku?

AB: Saya yang mencadangkan supaya semua badan-badan yang mengaku sosialis bergabung. Dan cadangan saya itu disambut baik oleh pemimpin-pemimpin. Saya pernah tanya kepada P.G. Lim: "Awak hendak sosialisma apa?" Dia jawab sosialisma seperti yang ada di London. Saya kata sosialisma seperti itu tak laku. Kita nak

satu sosialisma yang bersaintifik. Kalau awak bersetuju, kita boleh bersatu. Jadi setujuilah bergabung. Yang merancang perlembagaan itu—Lim Kean Siew. Masa itu dia kuat lagi dan cukup fanatik pada saya. Dan sayalah yang membela dia.

NI: Bolehkah Pak Boes komen tentang sebab-sebabnya Fron Sosialis telah berpecah semasa Pak Boes dalam tahanan kerana menyokong pemberontakan di Brunei pada Disember 1962 dan membantah penubuhan Malaysia.

AB: Itu berpunca daripada Lim Kean Siew mengeluarkan suatu statement di surat khabar mengatakan bahawa Fron Sosialis tidak ada hubungan dengan aktiviti-aktiviti saya semasa saya ditangkap. Dia cuba membersihkan Fron Sosialis. Jadi anggota-anggota Partai Rakyat membantahlah. Sepatutnya Lim Kean Siew yang membela saya. Bila mereka mengadakan kongres di Ipoh, Partai Rakyat langsung tidak hadir di sana kerana sudah keluar dari Fron Sosialis.

NI: Bukankah atas soal bahasa atau lain-lain hal?

AB: Oh tidak. Masa saya belum ditangkap lagi soal bahasa sudah timbul, di mana Tan Khye Hee dari Johor membantah sebab saya tidak setuju multi lingualism. Saya terus dengan sikap ini, berjawab 'kalau awak tak bersetuju dengan polisi ini, awak boleh bawa perkara ini ke kongres. Dia hendak polisi multi lingualism. Dia tak bawa perkara ini ke kongres Fron Sosialis sebab dia tahu sokongan saya dari Partai Rakyat teguh.

NI: Pada tahun 67, Pak Boes keluar dari tahanan dan tidak lama kemudian pucuk pimpinan yang muda telah mengambil Partai Rakyat dan telah menyusun semula Partai Rakyat dengan perlembagaan yang baru. Apa pendapat Pak Boes terhadap perkembangan itu?

AB: Sebenarnya saya tidak ditolak daripada Partai Rakyat. Saya dipilih juga sebagai presiden Kongres ke 13 di Kangar tapi saya cadang berlepas ke London untuk belajar undang-undang pada tahun 67 juga. Hampir 15 minit perwakilan semua berkumpul masing-masing min-



Berpidato di mesyuarat Partai Marhaen

ta saya terima tapi saya tolak. Alasan tak terima itu begini. Kassim (Ahmad) dan kawan-kawannya mungkin bercadang untuk merampas sebahagian besar daripada Dewan Harian. Saya boleh terus sebagai ketua umum—menjadi jurucakap sahaja. Saya rasa sebagai pemimpin saya mesti tahu katakan apa yang saya hendak. Sesudah tahu niat mereka, saya belahlah!

Dua hari sebelum saya bertolak ke London saya terus menubuhkan Partai Marhaen bersama seramai 20 orang.

Partai Marhaen

NI: Apa niat atau tujuan Pak Boes pada ketika itu nak menubuhkan Partai Marhaen.

AB: Tujuannya adalah memerangi atau menentang Partai Rakyat.

NI: Setelah menubuhkan Partai baru, apakah sikap Pak Boes terhadap perkembangan baru yang dibawa oleh golongan muda itu?

AB: Yang satu saya tak setujukan ialah perlembagaan barunya terlalu ketat! Yang kedua ialah cara politik yang menukar dari marhaenisme kepada sosialisma saintifik.

NI: Pak Boes kembali dari London pada tahun 68 dan berkhidmat di Utusan selama 6 bulan dan dibuang dari sana. Kenapa itu berlaku?


AB: Sebab pemerintah masa itu membayangkan, Boes-tamam nak mempengaruhi askar. Selepas dibuang kerja Rahman Yaakub bawa saya ke Sarawak dan kerja di sana sebagai penolong dalam pilihanrayanya. Kemudian saya memimpin surat khabar di Sarawak.

PEKEMAS

NI: Balik kepada semenanjung, bolehkah Pak Boes ceritakan bagaimana melibatkan diri dalam PEKEMAS.

AB: Sebenarnya mendiang Veerapen ajak saya balik ke sini. Katanya kalau Boes bergabung dengan Pekemas kedudukan kita boleh dikuatkan. Saya fikirkan Veerapen ini kawan saya dari Fron Sosialis. Jadi saya bersetuju balik. Seluruh anggota Partai Marhaen saya masuk Pekemas. Pelan kami dalam Pekemas itu untuk mengambil kuasa dalam Pekemas. Akhirnya 2 tahun kemudian, saya dapat menjadi Presiden Pekemas. Pada tahun '77 setelah Chee Khoo sakit saya mengambil alih Pekemas sehingga pilihanraya 78 di mana V. David dan rakan-rakannya berpecah dari Pekemas dan memasuki DAP. Kemudian, saya tak nampak lagi perlunya Pekemas, jadi saya tarik diri dari Pekemas.

NI: Baru-baru ini Pak Boes bekerja sebagai penulis ruangan akhbar dan pada tahun lalu ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Mazlan Nordin pun telah mengumumkan bahawa Pak Boes telah bersara dari Politik. Tapi baru-baru ini, nampaknya Pak Boes balik ke PSRM (Partai Sosialis Rakyat Malaya), dan dikatakan tujuan Pak Boes ialah untuk kembali ke parti yang Pak Boes sendiri tubuhkan. Hanya itu sajakah atau ada lain-lain



Rombongan Parlimen ke India dengan Nehru

sebab? Macam Pak Boes katakan tadi, Pak Boes tak ber-setuju dengan perkembangannya dan sebagainya. Bagaimana pula Pak Boes sanggup menganggotai parti yang mempunyai perlembagaan yang tidak disetujui?

AB: *Sekarang makna sosialisma saintifik lebih luas. Buktinya Libya. Sosialismanya saintifik juga. Dari segi disiplin, saya tak mahu memberi apa-apa komen saya. Saya tunggu untuk kongres ulang tahun ke 25 pada November ini. Tengok keputusannya. Kemudian fikir—betul atau tidak.*

NI: Apa pula pandangan Pak Boes terhadap bekas pengikut Pak Boes yang masih terlibat dalam Pekemas, yang mempunyai nama barunya—Barisan Rakyat?

AB: *Saya percaya itu tak akan tahan lama. Akhirnya, mungkin Barisan Rakyat akan balik ke Partai Rakyat.*

Gerakan Kiri

NI: Dalam sebuah ulasan buku yang dikarang oleh Halinah Bamadhaj dalam *N.S.T.* pada bulan Jun lalu, ia mendakwa bahawa gerakan kiri atau gerakan nasionalis anti penjajah pada tahun 40an dan pada awal tahun 50an sentiasa dalam keadaan yang serbasalah terhadap isu-isu semasa, misalnya sikap terhadap pemerintah Jepun, kemudian sikap terhadap Malayan Union, sikap kemudian terhadap Federation of Malaya. Mengikutnya dengan sikap gerakan kiri itu, mereka tidak dapat menarik sokongan yang seluas mungkin disebabkan faktor-faktor itu?

AB: *Dia tidak ada bukti bahawa kita tidak dapat menarik sokongan itu.*

NI: Bukan, ia mengakui bahawa sokongan terdapat, tetapi mengapa sayap kiri tidak berjaya mengatasi sayap kanan yang kemudiannya muncul sebagai pemerintah.

AB: *Bila PKMM dan parti-parti kiri diharamkan dan pemimpin-pemimpinnya ditangkap, maka timbullah satu kekosongan atau satu vacuum. Jadi vacuum itu diisi oleh*

UMNO. Kita belum pernah menguji UMNO dalam satu peilihanraya, kalau ia kajikan sejarah Hartal tahun 1947, kerana menyokong Perlembagaan Rakyat, sokongan terhadap kita dapat dibuktikan.

NI: Satu keritikan lagi yang telah timbul terhadap gerakan kiri pada ketika itu ialah apa yang dikatakan tipisnya fahaman politik gerakan kiri pada ketika itu dan kelemahannya dari segi ideologi. Di samping itu, dikatakan juga bahawa gaya pimpinannya yang banyak meniru gaya pemimpin tokoh-tokoh asing seperti Sukarno, Subash Chandra Bose dan sebagainya tidak begitu sesuai dan berkesan dalam keadaan kita ini. Apa pendapat Pak Boes terhadap tuduhan itu?

AB: *Saya mengakui bahawa gaya gerakan itu ditiru dari Sukarno dan Chandra Bose, tapi tak merasa itu satu salah. Kalau seorang nak berjuang, ia mesti ada sejarah perjuangan dunia sebagai contoh perjuangannya. Dan kalau dikatakan ideologi gerakan kiri itu tidak tebalnya, setidaknya kita ada juga ideologi, tetapi gerakan kanan tidak ada langsung.*

NI: Bagaimana pula dari segi organisasi?

AB: *Tidak boleh nak katakan tersusun dan kukuh. Ini disebabkan oleh kelemahan kewangan kita. Maka kita tidak mempunyai tenaga untuk menyusun gerakan itu.*

NI: Pak Boes telah mengalami perkembangan politik selama lebih pada 40 tahun sekarang. Pak Boes berusia 60 tahun pada bulan November ini. Apakah perkara-perkara yang pernah diperjuangkan oleh Pak Boes masih sesuai, masih *relevant* pada masa sekarang..

AB: *Saya rasa semuanya sesuai, sebab apa yang kita perjuangkan itu berlaku masa sekarang. Misalnya, dulu saya nak perjuangkan persatuan berbilang kaum di negeri ini, sekarang itu masih relevant. Caranya harus menyusun perpaduan dari bawah. Soal menentang penjajahan—menentang imperialisme masih berlaku lagi.*

NI

PERGERAKAN TINDAKAN RAKYAT BERKEMBANG

Usaha untuk menyelamatkan Batu Caves dari kemusnahan adalah satu kempen pergerakan rakyat di negeri kita ini. Dengan adanya ancaman terhadap Batu Caves yang berterusan dan dengan wujudnya perlindungan kerajaan negeri Selangor terhadap syarikat pemecah batu, maka ada kemungkinan besar Batu Caves akan musnah untuk selamanya. Batu Caves ini juga telah menjadi tumpuan rakyat yang beragama Hindu. Oleh itu, beberapa pergerakan rakyat telah merayu kepada pihak berkenaan agar perletupan dan pemecahan batu di sekitar Batu Caves itu diberhentikan.

Persatuan Pencinta Alam Malaya (PAM) telah mencabar kerajaan negeri Selangor untuk mengadakan suatu perbincangan terbuka untuk menjelaskan mengapa letupan batu di kawasan ini masih berterusan. PAM telah dibentuk pada tahun empat puluhan oleh orang British. Tetapi sekarang, PAM dianggotai rakyat Malaysia kelas menengah yang mengutamakan pemeliharaan

keindahan alam. Misalnya, pada lewat 1977, cawangan PAM di Pulau Pinang pernah menjadi pelopor dalam kempen untuk menyelamatkan hutan Endau-Rompin dari golongan tertentu para pembalok mementingkan keuntungan dari hasil kayu balak.

CAP dan Pergerakan Pengguna

Pergerakan pengguna adalah perkembangan yang bermula di Barat dan telahpun merebak ke Malaysia pada tahun enam puluhan. Ekoran dari itu, terbentuklah Persatuan Pengguna Selangor. Seterusnya terbentuklah Persatuan Pengguna Pulau Pinang atau (CAP) pada penghujung 1969. Perkembangan menjadi hebat selepas CAP mula memperjuangkan nasib nelayan di Kuala Juru pada 1976 yang dapat mendampingkannya lagi dengan rakyat jelata. Penentangan CAP terhadap pencemaran sawah padi di Kuala Kedah oleh sebuah kilang kimia juga telah menarik sokongan orang ramai.


SCA pula masih sedang mengalah. Dengan adanya kegiatan pengguna CAP, SCA pun telah mula bergiat. Kegiatan persatuan pengguna lain juga telah berjaya mendapat perhatian dan sokongan orang ramai. Semua persatuan pengguna peringkat negeri kecuali CAP telah bersetuju untuk membentuk Persekutuan Persatuan-Persatuan Pengguna SeMalaysia (FOMCA). Dengan adanya persekutuan ini, maka ada kemungkinan mereka dapat menyelaraskan kegiatan-kegiatan mereka.

Persatuan-persatuan pengguna sudahpun dapat perhatian orang ramai di peringkat antarabangsa dan pernah disebutkan di dalam beberapa majalah antarabangsa sebagai badan pengintip untuk kerajaan. CAP telah juga diberi penghargaan sebagai *penasihat* pada Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh! Dalam tempoh satu dasawarsa sahaja, persatuan-persatuan pengguna telah berkembang menjadi berkesan menyuarakan sebahagian dari perasaan rakyat.

Persatuan Siswazah Selangor

Persatuan Siswazah Selangor (SGS) telah ditubuhkan pada awal tahun enam puluhan. Pada asalnya, SGS dikenali sebagai Persatuan Siswazah Universiti Malaya. Walaupun keahliannya terhad kepada siswazah, kegiatannya lantang menyuarakan berbagai aspek masyarakat, seperti perumahan, kemusnahan hutan rimba, pencemaran alam, Akta Keselamatan Dalam Negeri, hak asasi manusia dan masalah pekerja. Tidak berapa lama dahulu, persatuan ini telah memulakan rancangan untuk menghantar siswazah yang menganggur ke luar bandar supaya mereka dapat mempelajari keadaan di

sambungan di m.s. 11



DALAM BATU CAVES

Ismail Baharuddin

Pada suatu pagi yang indah pada bulan September, di kaki 277 tangga yang menuju ke Batu Caves, (BC), beratus-ratus orang pelancung yang datang melawat ke sana dapat melihat satu perkara yang agak ganjil.

Sekumpulan 40 orang, — yang terdiri dari semua kaum, termasuk beberapa orang kanak-kanak — telah menutup mulut-mulut mereka dengan kain. Jurucakap mereka telah mengistiharkan, "Rayuan-rayuan kami tidak diberi perhatian langsung. Kata-kata tidak punya erti lagi. Mulut kami ditutup".

Pelancung-pelancung itu berhenti untuk memerhatikan mereka dengan perasaan hairan, tanpa mengetahui bahawa gua yang akan mereka lawati itu sedang dalam bahaya akan runtuh. Kumpulan selamatkan BC (KSBC) itu merupakan badan terbaru yang sedang membantah kegiatan-kegiatan kuari



batu kapur berhampiran dengan gua-gua tersebut sejak dua puluh tahun dahulu.

Khazanah Alam


Selain dari sebuah kuil Hindu, gua-gua tersebut juga menjadi tempat tinggal binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan dalam satu *ecosystem* yang unik. Umurnya sudah melebihi 440 juta tahun! Kini, gegaran-gegaran yang kuat dan bedilan-bedilan dinamit telah menyebabkan keretakan di dalam beberapa buah gua tersebut yang boleh mengakibatkan gua-gua itu runtuh.

Kuari

Kegiatan-kegiatan kuari yang pertama di sekitar BC telah bermula pada tahun 1954 apabila kerajaan British telah memajukan sebahagian dari kawasan itu kepada syarikat kuari yang pertama, iaitu Kenneison Brothers (KB). Lesen bagi kuari yang kedua telah dikeluarkan oleh kerajaan Selangor kepada Dolomite Industries (DI) pada tahun 1959.

Menjelang tahun 1961, sudah terdapat bukti-bukti tentang kemusnahan di gua-gua tersebut. Akan tetapi, bantahan-bantahan dari Persatuan Alam Malaya dan Persatuan Perlindungan BC tidak mendatangkan apa-apa kesan.

(Sementara itu, DI telah mula menghadapi masalah buruh. Pekerja-pekerja mereka telah melancarkan mogok kerana pihak pengurusan enggan mengiktirafkan kesatuan sekerja mereka, iaitu Kesatuan Pekerja-Pekerja Lombong. Pekerja-pekerja lain telah dibawa dari luar dan mereka pernah cuba memukul



pekerja-pekerja yang bermogok itu.)

Pencemaran Alam

Dalam tahun 70an, projek-projek perumahan telah dibina di kawasan tersebut. Kini, pencemaran dari debu dan kebisingan dari kerja-kerja pembedilan mengancam kesihatan 50,000 penduduk di kawasan itu. Syarikat-syarikat di situ pula telah meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti mereka. Tambahan pula, kuari ketiga kepunyaan JKR telah dibenarkan bermula.

Selepas bantahan-bantahan yang kuat dari berbagai-bagai badan selama beberapa tahun selepas itu, akhirnya pada 19hb Mei 1980, kerajaan Negeri Selangor telah berjanji untuk menghentikan semua kegiatan membedil daripada 19hb Jun.

Sebenarnya hanya kuari JKR yang telah menghentikan pembedilan. Kedua-dua syarikat yang lainnya, iaitu KB dan DI, dibenarkan meneruskan kegiatan selama 6 bulan lagi sehingga 31hb Disember tahun ini.

Apabila KSBC telah menyambungkan kempen berpuasa mereka, Timbalan Setiausaha kerajaan Negeri Selangor (yang juga adalah ketua Pemuda UMNO Temerloh) Encik Sabaruddin Chik telah membuat beberapa kenyataan yang dianggap sebagai menyindir, kurang matang dan mencerminkan sikap seorang pegawai angkuh yang tidak memperdulikan rayuan serta perasaan dari orang ramai.

Dia mengugut bahawa "ahli-ahli boleh terjun dari kapalterbang,

DHANAPALAN PROTESTS



Mr. R.V. Danaphalan, a charginan, has been one of the first to protest the quarrying at Batu Caves. He receives brave support from his wife and four sons, aged nine to twelve. He and his three sons (the youngest is too young to fast, his wife joins them when there is not too much washing to be done) have been fasting every Sunday for the past two and a half months to protest the continued blasting of the caves. Mr. Danaphalan believes this form of protest is good for his sons for "they will grow up and be brave to do something . . . to do the right thing and not to be afraid." Nadi Insan talks with this person who promises not to shave off his beard until the blasting is stopped.

NI: How long have you been fasting?

Danaphalan: I have been fasting here every Sunday since July 19th when the blasting continued again. Last week 60-70 people marched to the Dolomite Company. You know we must be brave, we cannot give up, we must fight to the end. This Cave took millions of years to build up and once it breaks it is difficult to build up again.

NI: Who are the people who are fasting?

Danaphalan: Even children fast. Some come from as far as Port Klang and Batang Berjuntai. But

"In the last 2½ months of continuous weekly protest, if we note and check carefully, the most glaring fact that comes out is that the actual culprit in all this are the two private quarries near Batu Caves — Dolomite and Kenneison. Their arrogant silence and complete ignorance of the public's appeal makes one wonder whether such elements should be tolerated in our society." (Johari Ismail from Save Batu Caves Group, 12 October 1980).

Ed. Note: The gathering on 12.10.80 to commemorate World Conservation Day at Batu Caves was dispersed by the police as it was an 'illegal' assembly.

some people are scared they will lose their jobs, their titles, they are scared of the police. But when they die they cannot take their AMN and PJK with them.

NI: But you are not scared?

Danaphalan: I am not against the government. I am supporting the government, the country. The government can do anything to me, it is easy. But we are saving the Caves for the people in the future. You know our people don't have to go to a foreign country to study, they can learn from nature here. You see, so many people come here . . . foreign people, Malay people, Chinese people not only Hindu people. We are saving this for the country. The country will get the name, not me. Because of the country we are here. So if the country is doing something wrong we cannot also do the wrong thing. If it is good we support, if it is bad we stop. If everybody is scared

there is no point being citizens of the country.

NI: Are there other groups who are supporting you?

Danaphalan: Yes we have many groups — the Malayan Nature Society, Environmental Protection Society, Sahabat Alam Malaysia, the Geology Society. We had a signature campaign with many signatures, but it's no use. Even though the Mentri Besar said the Caves is in danger and the Prime Minister himself asked the temple to take legal action. There must be influential people in the Dolomite Company and Kenneison Brothers who want to make money from this. The Mentri Besar said they would stop on July 19th. Now it is postponed to December 31st. How to believe? They are cheating the public. That's why we must strongly sit here and protest and the government will take notice. We need your support . . . people must realize.



tidur di tengah jalan, sembelih kambing atau buat apa saja..." tetapi pembedilan akan terus dijalankan juga sehingga 31hb Disember 1980.

Mengapa?

Apakah yang menyebabkan kerajaan negeri mengubah keputusannya dengan tiba-tiba? Sebab resminya ialah kuari-kuari tersebut membekalkan batu-batu granit yang sangat diperlukan untuk projek-projek pembangunan negeri. Tetapi kuari-kuari di BC itu tidak mengeluarkan batu granit. Sebenarnya, ia hanya membekalkan batu kapur!

Kedua-dua syarikat tersebut mendakwa bahawa kemudahan perlu (terutama sekali, bekalan elektrik) di kawasan barunya di Ulu Langat belum lagi selesai disiapkan. Ini adalah satu alasan yang lemah kerana mereka seharusnya membuat persediaan lebih awal lagi. Sebab sebenarnya mungkin ialah kerana mereka ingin mendapat keuntungan maksima di kawasan BC sebelum mereka meninggalkannya.

Memandangkan bahawa KB dan DI telah memperolehi keuntungan dari BC selama 26 dan 21 tahun, sebahagian dari keuntungan ini tentu

sekali dapat disalurkan untuk mempercepatkan lagi persediaan di kawasan baru mereka itu. Ini adalah contoh yang jelas akan sikap mereka yang tidak memperdulikan kemusnahan serta pencemaran alam atau bahaya terhadap keselamatan dan kesihatan manusia dengan membiarkan pembedilan diteruskan dan keuntungan dibuat.


Kepentingan Terlibat

Seperti dinyatakan oleh Persatuan Siswazah Selangor, kegiatan kuari jelas menunjukkan sikap kerajaan negeri, kuasa dan pengaruh tuanpunya kuari itu (termasuk seorang kerabat diraja Negeri Sembilan yang menjadi salah seorang pengarah Kenneison Brothers dan lain-lain usahawan tempatan), pengabaian penderitaan penghuni akibat dari pencemaran alam dan komitmen sebenar kerajaan Malaysia terhadap pengawalan alam sekitar, penyelidikan sains dan hal ehwal agama.

Oleh kerana syarikat-syarikat swasta sentiasa akan mengutamakan keuntungan, sehingga bilakah bantahan-bantahan itu terpaksa berterusan sebelum kerajaan sanggup

mengambil tindakan? Nyawa rakyat dan khazanah alam kita sepatutnya lebih penting dari keuntungan bagi kepentingan-kepentingan tertentu.

Sebab-sebab keuntungan yang serupa telah mengakibatkan kemusnahan beratus-ratus ekar hutan yang tidak boleh digantikan di kawasan Endau-Rompin tidak lama dahulu. Apakah kita akan membiarkan pemburu laba memusnahkan apa yang telah diciptakan di BC oleh alam sendiri selama 440 juta tahun?



sambungan dari m.s. 8

sana dengan lebih mendalam lagi hingga mereka dapat memperkenalkan teknologi yang sesuai untuk masyarakat berkenaan.

Kumpulan Alam Sekitar

SGS telah memainkan peranan penting dalam pembentukan Persatuan Perlindungan Alam Sekitar (EPSM). Pada tahun 1974 ini adalah persatuan yang ulung sekali di negeri ini yang menumpukan perhatian penuh kepada perlindungan alam sekitar. Persatuan ini pernah memperjuangkan nasib orang miskin supaya dapat hidup dalam persekitaraan yang sihat dan bermutu tinggi. Persatuan ini telah memberi sokongan penuh kepada kempen "Selamatkan Endau-Rompin" dan "Selamatkan Batu Caves". EPSM telah juga melakukan beberapa

penyelidikan terhadap masalah tenaga dan pencemaran.

Pada 1977, telah ditubuhkan Sahabat Alam Malaysia (SAM). SAM juga berpusat di utara Semenanjung Malaysia dan bergiat rapat dengan CAP tadi terhadap masalah-masalah alam sekitar juga.

Kepemimpinan

Dalam pergerakan rakyat ini, timbullah tokoh-tokoh yang lantang menyuarakan masalah kemusnahan alam sekitar seperti Mohd. Idris (ketua CAP dan SAM; lihat wawancara NI Oktober 1979), Gurmit Singh (SGS dan EPSM), Hamdan Adnan, Dr. Rokiah Talib dan Serajuddin Ismail (SCA), Dr. Kiew dan Dr. Leong (PAM). Mereka ini mempunyai latarbelakang seperti peniaga, jurutera, pensyarah dan ek-

sekutif syarikat.

Secara umumnya, pergerakan ini masih dipandang sebagai pergerakan kelas menengah dan masalah yang dikemukakan kerap menimbulkan simpati golongan intelek kelas itu sahaja. Oleh kerana sebahagian besar golongan cerdik pandai datang dari bandar, maka tidak hairanlah jika pergerakan seperti ini berpunca dari bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa ada juga usaha tertentu yang ditumpukan kepada masalah-masalah kehidupan nelayan dan petani serta isu-isu kebangsaan. Biasanya perhatian diberi kepada masalah-masalah tertentu secara terencil, sedangkan masalah-masalah

Sambungan di m.s. 25

AMERIKA SYARIKAT MENYERAP

Nur Seri

Sudah diakui umum bahawa British pernah menguasai Malaya, menyusun pentadbiran dan ekonominya sambil membentuk golongan pemerintah yang berkhidmat kepada kepentingannya. Malahan, selepas kemerdekaan resmi pada tahun 1957, penguasaan British ke atas ekonomi Malaya — terutama estet getah, lombong bijih timah dan agensi perdagangan — berterusan.

Tetapi, dalam dua dekad yang lalu, Amerika Syarikat (AS) secara senyap-senyap telah meningkatkan pengaruhnya ke atas perancangan dan dasar yang dibuat di negeri ini. Dari beberapa segi, AS telah mengambil alih peranan British dahulu.

AS, memperluaskan pengaruhnya di Malaysia melalui dua cara utama. Pertama, para penasihat akademik dari universiti-universiti AS yang dibiayai oleh yayasan-yayasannya juga telah banyak menolong menyusun atau menyusun semula banyak badan-badan kerajaan Malaysia seperti DAU (Development Advisory Unit), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Institut

Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan lain-lain lagi.

Melalui badan-badan ini, penasihat-penasihat AS mempunyai pengaruh yang besar ke atas perancangan dasar dan pentadbiran di Malaysia.

Kedua, agensi dan yayasan AS telah menganjurkan beratus-ratus pelajar Malaysia belajar di universiti dan kolej di AS. Pelajar-pelajar ini diambil dari kerajaan Malaysia atau badan-badan akademik dan akan kembali bekerja di jabatan masing-masing selepas tamat kursus. Dengan cara ini, orang yang akan membuat dasar di negeri ini dapat dididik dengan nilai, pemikiran dan keutamaan Amerika Syarikat sendiri.

Marshall Singer, seorang bekas penasihat Akademik AS yang ada di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya selama 18 bulan di bawah rancangan Yayasan Ford pernah menulis dengan terusterang:

“... (jika) elit sekarang menyokong suatu falsafah yang kami

tidak setuju, cara menjamin generasi elit akan datang akan menerima falsafah yang kami sukai ialah dengan kami sendiri melatih elit tersebut sebaliknya di negeri kami sendiri, supaya mereka boleh memperolehi nilai, sikap dan pandangan yang kami sukai”.

Maka, dengan membentuk badan tempatan, memandu dasar ekonomi dan mempengaruhi perkembangan intelektual elit negeri ini, penasihat, pengajar dan perancang AS memainkan peranan penting dalam menentukan corak pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia bersesuaian dengan kepentingan AS.

(Namun begitu, seperti dalam banyak hal lain, rancangan yang diatur rapi tidak selalu menghasilkan akibat yang dikehendaki. Walaupun terdapat orang tempatan yang menerima faedah dari rancangan-rancangan tersebut dan berkhidmat — secara sedar atau tidak sedar — untuk kepentingan AS seperti yang diharapkan, tetapi rancangan-rancangan tersebut juga telah menghasilkan minoriti kecil — misalnya, teknokrat yang mempunyai kesedaran — yang walaupun terlatih supaya berkhidmat untuk *status quo*, tetapi sebaliknya mereka mempersoalkan *status quo* itu sendiri. Walaupun setengah dari mereka ini berharap untuk membawa keadilan melalui jawatan yang dipegang mereka, biasanya harapan mereka itu akan dikecewakan kerana perubahan pokok yang perlu tidak akan tercapai demikian.)



12 Kedatangan Edmund Muskie, Setiausaha Negara Amerika Syarikat di Kuala Lumpur.

NASIHAT DENGAN MUSLIHAT (FORD-DAS-EPU)

Kebanyakan rancangan bantuan teknik, yang membawa ahli akademik AS ke Malaysia sebagai penasihat dan perunding, dibayai oleh Yayasan Ford, Yayasan Rockefeller, Yayasan Asia dan Majlis Pembangunan Pertanian (ADC) Yayasan-yayasan ini, sebenarnya ada kaitan rapat dengan syarikat-syarikat gergasi antarabangsa yang bertapak di AS yang mempunyai kepentingan ekonomi di banyak negeri-negeri Dunia Ketiga. Rancangan-rancangan tersebut dapat menyusun semula sistem pentadbiran awam (Laporan Esman-Montgomery), mempengaruhi badan-badan perancang utama dan melatih teknokrat dan pentadbir Kerajaan Malaysia yang penting.

Yayasan Ford di Malaysia

Yayasan Ford membiayai banyak rancangan di Malaysia sejak awal 1960. Ia telah menyediakan kewangan dan penasihat untuk Kementerian Pelajaran, Pusat Penyelidikan Dasar di USM, Universiti Pertanian di Serdang, rancangan perancangan keluarga dan banyak projek lain.

Mungkin rancangan Ford yang paling strategik ialah usaha yang melibatkan agensi perancangan utama di negeri ini, iaitu Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dan rancangan pentadbiran pembangunannya yang membawa kepada pembentukan Unit Penasihat Pembangunan (DAU) dan Institut Tadbiran Negara (INTAN).

AS Di EPU

Rancangan Yayasan Ford dengan EPU bermula pada tahun 1964 apabila AS\$240,000 telah disediakan untuk para perunding yang menentukan jenis bantuan yang Ford patut berikan. Hasil dari

ini adalah sumbangan Ford melalui tiga bantuan wang yang berjumlah AS\$2.3 juta kepada Perkhidmatan Nasihat Pembangunan (Development Advisory Service — DAS) Universiti Harvard untuk menyediakan bantuan teknik kepada EPU.

30% dari asas kewangan untuk kegiatan DAS di negeri Dunia Ketiga biasanya datang dari Bank Dunia, 50% dari Yayasan Ford dan selebihnya disediakan oleh negeri penerima. Ini jelas mencerminkan kepentingan bersama kerajaan AS (melalui Bank Dunia) dengan modal persendirian (melalui Yayasan Ford) dalam usaha mempengaruhi dasar-dasar ekonomi negara Dunia Ketiga.

Setiap tahun dari 1966 hingga 1971, 5 orang penasihat DAS ditugaskan di EPU. Tambahan pula, ramai ahli ekonomi dan Sains Sosial telah juga dibawa masuk dengan bantuan DAS sebagai perunding mengenai pelbagai dasar daripada perindustrian hinggalah kepada analisa statistik.

Pengaruh penasihat DAS atas dasar-dasar ekonomi negeri ini dapat dilihat dari satu kenyataan oleh Just Faarlund, bekas pengarah projek DAS, di Malaysia, yang mendakwa bahawa: "Secara kasar, separuh dari Rancangan Malaysia Pertama (1965—70) dirangka oleh kakitangan tempatan, separuh yang lainnya oleh pakar-pakar DAS...". "Pakar-pakar DAS" juga menulis sejumlah besar kertaskerja latarbelakang untuk rancangan-rancangan Malaysia seterusnya dan mereka masih bergiat aktif di EPU dan di tempat-tempat lain hingga sekarang.

Perancang-perancang DAS, biasanya mengesyorkan dasar-dasar untuk negeri-negeri Dunia Ketiga yang lebih mengintegrasikan ekonomi berkenaan ke dalam ekonomi kapi-

talis antarabangsa, iaitu ekonomi-ekonomi Dunia Ketiga dirancang supaya dapat memenuhi keperluan syarikat-syarikat gergasi dan negara-negara maju.

Satu sebab penting yang memerlukan pertukaran nama DAS kepada Institut Pembangunan Antarabangsa Harvard (HIID) adalah perkhidmatannya demi kepentingan syarikat-syarikat gergasi AS. Sebagai contoh, syor-syor dibuat untuk melaksanakan perangsang cukai, menyediakan perkhidmatan infrastruktur dan buruh murah supaya firma-firma asing akan bertapak di negeri-negeri Dunia Ketiga berkenaan. Dengan cara demikian, mereka mencipta iklim yang sesuai dan menguntungkan untuk peniaga asing. Suasana ini pula membawa kesan-kesan tertentu ke atas rakyat Dunia Ketiga yang terlibat.

Perindustrian Bertujuan Eksport

Salah satu syor penasihat DAS ialah menggalakkan industri untuk eksport di Malaysia. Ini adalah satu contoh usaha penasihat DAS menghalakan perkembangan ekonomi negeri-negeri Dunia Ketiga ke arah yang sesuai dengan keperluan syarikat gergasi antarabangsa.

Sebelum 1968, dasar perindustrian Malaysia berasaskan penggantian import. Barang-barang buatan kilang dilindungi oleh cukai import yang tinggi. Penasihat-penasihat DAS tidak bersetuju hal ini.

Menurut mereka, amalan demikian tidak cekap, membawa kepada penyalah peruntukan modal" serta kerugian jangka panjang yang tersembunyi bagi perusahaan dan firma yang dilindungi oleh tarif import.

Mereka mendakwa bahawa polisi penggantian — import mesti diganti dengan strategi yang bertujuan

eksport, yang akan menggalakkan firma yang lebih berfaedah dalam jangka masa panjang dengan barang-barang keluaran yang boleh bersaing di pasaran dunia.

Sebenarnya, dasar perindustrian bertujuan eksport membolehkan syarikat antarabangsa mendapat faedah dari buruh dan bahan mentah murah di negeri-negeri Dunia Ketiga tanpa membayar cukai yang

tinggi atau disekat oleh pasaran tempatan yang terhad.

Selari dengan syor-syor ahli ekonomi DAS, pada tahun 1972, Kerajaan Malaysia mengumumkan pertambahan perangsang cukai untuk syarikat yang mengeksportkan lebih dari 90% dari keluarannya. Bersama dengan amalan dasar perindustrian bertujuan eksport, ialah pembinaan kawasan perdagangan bebas —

kawasan-kawasan di mana firma-firma asing boleh membawa alat serta bahan dan hasil keluaran mereka ke dalam dan keluar dari negeri ini tanpa membayar cukai import atau eksport. Malaysia sekarang adalah kawasan pengeluaran *Semi Conductor* elektronik AS yang utama di luar AS sendiri. Ini merupakan industri bertujuan eksport yang begitu aktif digalakkan di negeri ini.

DAU-INTAN

Pada ketika perhubungan DAS-EPU sedang diperkukuhkan, Yayasan Ford telah membiayai satu lagi program bantuan teknik pada peringkat kerajaan yang tinggi. Dua orang ahli akademik, John Montgomery dari Universiti Harvard dan Milton Esman dari Universiti Pittsburgh telah dibawa ke Malaysia sebagai pakar perunding untuk reformasi pentadbiran.

Pada tahun 1965, mereka telah menyediakan Laporan Esman — Montgomery yang berpengaruh itu untuk kerajaan Malaysia. Cadangan-cadangannya bertujuan untuk menyusun semula sistem pentadbiran awam Malaysia untuk cuba menarkannya dari keadaannya sebagai sisa-sisa pentadbiran penjajah British kepada satu struktur yang berdasarkan cara penyusunan moden AS.

Perubahan-perubahan pentadbiran ini dijangka akan tercapai melalui tiga strategi pokok: pertama, pembentukan Unit Pentadbiran Pembangunan (DAU) di Jabatan Perdana Menteri yang dianggotai oleh pakar-pakar analisa pengurusan profesyenal untuk merancang dan mengurus rancangan-rancangan utama untuk memperbaiki pentadbiran. Hubungan-hubungan juga harus diwujudkan di antara DAU dengan EPU, Perbendaharaan, kerajaan-kerajaan negeri dan banyak lagi ba-

dan yang lain.

Kedua, penubuhan satu rancangan siswazah lanjutan di Universiti Malaya untuk melatih semua pegawai Perkhidmatan Tadbiran dan Diplomatik (PTD) yang baru dipilih serta "latihan dalam perkhidmatan" yang sistematik untuk semua kakitangan kerajaan.

Ketiga, satu rancangan latihan dan pengkhususan yang bertujuan untuk "memperkukuhkan kecekapan profesyenal PTD supaya ianya dapat memberikan kepimpinan pentadbiran yang perlu dalam negeri yang sedang pesat membangun ini".

Tambahan pula, laporan itu menekankan supaya "cukupya kakitangan Malaysia dan asing" dan kukuhnya hubungan dengan universiti-universiti di AS. Maka, Laporan Esman-Montgomery itu juga telah meletakkan asas untuk menggunakan kepakaran asing (AS), hubungan-hubungan dengan universiti-universiti di Amerika sambil menyediakan alasan-alasan untuk pembiayaan asing.

Pada 1hb. Julai 1966, DAU telah ditubuhkan dengan pembiayaan dari Yayasan Ford dan kepakaran teknik dari AS. Esman telah dilantik sebagai penasihat utamanya, sementara tempat kerjanya di AS — iaitu Universiti of Pittsburgh Graduate School of Public and International Affairs, — mula memban-

tunya dengan mencari pakar-pakar penasihat untuk DAU dan dengan menyediakan rancangan pembelajaran untuk kakitangan DAU yang dihantar ke AS melalui biasiswa yang disediakan oleh Yayasan Ford.

Laporan Esman-Montgomery itu mempunyai implikasi yang luas kepada sistem pentadbiran Malaysia, seperti yang dapat dilihat dari kegiatan DAU. Esman pernah mengaku:—

"Pada 3 tahun yang terawal, DAU berkembang luas, walaupun tidak semestinya mendalam, dalam kegiatan kerajaan".

Hasil dari laporan Esman-Montgomery itu ialah, terutama sekali, penyusunan semula sistem pentadbiran awam supaya bersesuaian dengan keperluan-keperluan AS, dan kedua, latihan kakitangan kerajaan secara berdasarkan sistem AS.

Pada tahun 1969, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah ditubuhkan untuk melatih kakitangan bagi berkhidmat dalam pentadbiran Malaysia yang pentingnya, ialah ianya telah dilatih oleh "kakitangan yang dilatih khas di luar negeri (iaitu AS) pada peringkat siswazah lanjutan dalam bidang perancangan, kewangan, cara pengurusan kakitangan, pembangunan desa dan pemerosesan data.

Lain-lain projek yang bertujuan untuk melatih elit pentadbiran sam-

bil mempengaruhi pandangan serta pendapat mereka termasuklah penubuhan Persatuan Pentadbiran Awam Malaysia, sebuah kelab elit untuk para teknokrat. Sebaliknya pula, Pusat Pentadbiran Pembangunan Tun Razak, adalah cara lain dalam mana teknokrat-teknokrat yang dilatih di AS itu dapat ditempatkan berhampiran dengan Jabatan Perdana Menteri dan kabinet — iaitu pu-

sat membuat keputusan di negeri ini.

Oleh itu, adalah jelas bahawa tanpa penggunaan sebarang senjata, melalui penasihat-penasihat dan rancangannya, AS telah mempengaruhi pemerintah di Malaysia pada zaman lepas penjajahan.

Sebelumnya, struktur pentadbi-

ran yang ditiru dari British dan elit-elit tempatan yang dipengaruhi British telah menyediakan perkhidmatan yang memudahkan penindasan penjajah British terhadap Malaysia. Sekarang, rancangan-rancangan bantuan teknik AS telah merubahkan jentera pentadbiran supaya bersesuaian dengan tahap penggantungan cara baru Malaysia — di bawah kuasa AS pada peringkat dunia.

YAYASAN ASIA

Perasaan curiga terhadap Yayasan Asia sentiasa wujud di Asia. Ini adalah kerana ianya ditubuhkan oleh CIA (Pusat Perisik Amerika) pada tahun 1951. Sehingga pertengahan tahun 60an, sebahagian besar dari kegiatannya dibiayai oleh CIA. Tetapi sekarang, ia menerima bantuan wang dari AID (Agency for International Development) atau Biro Pelajaran dan Kebudayaan Jabatan Negara Amerika Syarikat.

Kesemua agensi pemberi wang ini mempunyai sejarah pengintipan dan aktiviti-aktiviti yang tersembunyi baik di dalam mahu pun di luar AS. Banyak aktiviti-aktiviti mereka di Dunia Ketiga adalah bertentangan dengan hasrat dan kepentingan rakyat negeri-negeri Dunia Ketiga. Oleh itu, adalah tidak memeranjatkan juka tindakan dan motifnya di Asia sentiasa dicurigai.

Yayasan Asia memulakan kerjanya di Malaya pada tahun 1950. Antara projek-projek yang dianjurkan sekarang termasuklah rancangan menggalakkan kebolehan menulis, membaca, pendidikan undang-undang, latihan Bahasa Inggeris dan menyokong aktiviti-aktiviti persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga (FFPA), Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC), Persatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) dan organisasi-organisasi pengguna.

Yayasan Asia juga mempunyai hubungan yang rapat dengan Institut Teknologi Mara (ITM). Dalam tahun 1974, \$42,000 dari \$189,000 yang dibelanjakan oleh Yayasan Asia adalah untuk ITM. Ia juga menggalakkan latihan graduan-graduan ITM di Amerika Syarikat dan memberi banyak bantuan wang untuk tujuan tersebut.

Dengan cara itu, corak kegiatannya mempunyai banyak persamaan dengan rancangan Yayasan Ford: perunding-perunding dan penasihat-penasihat AS dibawa masuk ke negeri ini untuk menolong menyusun institusi-institusi dan rancangan-rancangan sementara pelajar-pelajar Malaysia dihantar belajar ke universiti-universiti di AS. Oleh itu, rancangan-rancangan Yayasan Asia juga bertanggungjawab mencorak individu-individu dan institusi-institusi di Malaysia menyerupai imej Amerika.

Pengangguran

Pada awal tahun 1970, Yayasan Asia mengubah perhatiannya terhadap masalah pengangguran yang semakin meningkat di Malaysia. Dalam bulan Mei 1971, Yayasan ini menganjur persidangan serantau mengenai "Masalah tenaga manusia di Timur dan Asia Tenggara." Dari persidangan ini, Yayasan Asia telah menubuhkan Majlis Kajian Tenaga Manusia Asia (CAMS) yang mem-

buat cadangan-cadangan dan usul untuk mencipta pekerjaan.

Mengapakah Yayasan Asia sangat berminat terhadap masalah pengangguran? Hasil persidangan serantau yang diadakan pada bulan Mei 1971 memberi kita sedikit jawapan. Peserta-peserta di persidangan tersebut telah menekankan bahawa masalah pengangguran di Asia telah sampai ke peringkat yang amat merbahaya dan mengesyorkan supaya tenaga buruh diserap dalam kegiatan-kegiatan ekonomi secara lebih besar.

Cadangan ini mungkin dibuat kerana Yayasan Asia atau kepentingan-kepentingan yang diwakilinya takut yang masalah pengangguran akan membawa kepada keadaan 'kegelisahan' seperti tunjuk-tunjuk perasaan, mogok dan rusuhan — keadaan yang tidak sesuai untuk perniagaan dan pelaburan asing. Oleh itu, usahanya untuk mengurangkan pengangguran adalah lebih disebabkan oleh keinginannya untuk melindungi kepentingan syarikat-syarikat AS yang melabur modal di negeri-negeri di Asia.

REVOLUSI HIJAU DAN A.D.C.

Perkembangan Revolusi Hijau, yang begitu terkenal di negeri-negeri di Asia, adalah sebahagian besarnya merupakan tanggungjawab Majlis Pembangunan Pertanian atau ADC. Pada asalnya ADC dikenali sebagai Majlis untuk Ekonomi dan Kebudayaan (CECA), yang ditubuhkan oleh John D. Rockefeller III dan di biayai oleh Yayasan Rockefeller.

Pada tahun 1958, CECA memulakan rancangannya di Malaya dengan melantik Clifton Wharton (sekarang menjadi Presiden State University New York dan seorang pemegang amanah ADC) sebagai "Resident Associate". Empat tahun kemudian, Milton Barnett (sekarang Tan Sri) dari Universiti Cornell telah menyertainya. Barnett — yang datang bersama dengan pengalamannya di Taiwan — telah menjadi penasihat utama kepada Kementerian Pembangunan Desa.

Sebagaimana yang dapat diduga, ADC menjalankan rancangannya dengan dua cara: pertama ialah latihan dan pendidikan pegawai-pegawai Malaysia dan keduanya ialah penyusunan dan penyusunan semula agensi-agensi kerajaan.

Di antara tahun 1963 dan 1966, ADC telah menghantar 200 orang pegawai-pegawai pengembangan pertanian, pemimpin-pemimpin ladang dan perancang-perancang ke Taiwan untuk mengkaji Persatuan-Persatuan Peladang di sana. Wharton dan Barnett juga menjalankan seminar-seminar untuk pelajar-pelajar sarjana dan memilih pelajar-pelajar tempatan untuk latihan lanjut di AS di bawah anjuran ADC. Kedua-dua mereka juga telah memainkan peranan penting dalam pehubuhan Universiti Pertanian

Malaysia di Serdang.

Mereka juga menyusun rancangan pertukaran pelajaran antara institusi pelajaran di Malaysia dengan institusi-institusi di AS, seperti antara Universiti Pertanian Malaysia dan Louisiana State University. Setelah tamat pengajian mereka, pelajar-pelajar ini biasanya bekerja untuk Kementerian Pembangunan Desa atau salah satu dari badan berkanun seperti FELDA, MARDI, MADA dan lain-lain. Melalui pelajar-pelajar inilah AS telah dapat menerapkan pengaruh ideologinya dalam badan-badan berkanun itu.

ADC mempunyai pengaruh langsung dalam banyak badan-badan kerajaan. Sebagai contoh, dalam tahun 1969, Albert Moseman, seorang ahli bersekutu ADC, telah menubuhkan MARDI dan berkhidmat sebagai pengarahnya yang pertama. Melalui kedudukannya ini, beliau telah membina asas struktur institut tersebut dan menetapkan keutamaan-keutamaan penyelidikannya serta bentuk hubungannya di dalam dan luar negeri. Di samping menjadi pengarah MARDI yang pertama, Moseman juga adalah seorang ahli Lembaga Pentadbir Institut Teknologi MARA.

ADC masih mengekalkan hubungannya dengan semua rancangan-rancangan dan individu-individu yang pernah terlibat. Ia menghantar 'sarjana pelawat' ke Malaysia, membiayai rancangan-rancangan latihan dalam negeri, mengirim risalah-risalah kepada pelanggan-pelanggannya dan berhubung dari semasa ke semasa dengan pihak-pihak berkuasa Malaysia.

ADC juga memainkan peranan yang besar dalam perkembangan 'Revolusi Hijau' di Kawasan Muda.

Revolusi Hijau itu telah membawa masuk teknologi baru yang membolehkan tanaman dua kali setahun dijalankan, dan meningkatkan hasil padi. Tetapi, Revolusi Hijau itu adalah amat bergantung sangat kepada tali air, traktor, baja-baja, racun serangga dan benih-benih padi hasil tinggi. Oleh itu hanyalah petani-petani yang berdaya menggunakan teknologi moden dan mereka yang mempunyai sawah yang cukup luasannya saja yang mendapat faedah terbesar dari Revolusi Hijau itu, manakala petani-petani penyewa miskin telah tersingkir dari tanah yang mereka kerjakan. (lihat N/ 12).

Seterusnya, baja-baja kimia, racun-racun serangga, traktor-traktor, penuai-penuai dan minyak yang diperlukan oleh petani-petani di rancangan Revolusi Hijau itu terpaksa pula dibeli dari syarikat-syarikat pelbagai bangsa. (Ini bermakna syarikat-syarikat besar itulah yang merupakan pihak yang telah memperolehi keuntungan besar dari kemajuan Revolusi Hijau).

Walaupun terdapat pelaksanaan rancangan harga minima padi untuk melindungi dan menggalakkan pengeluaran padi tempatan, tetapi pendapatan bersih petani dalam tahun kebelakangan ini telah merosot. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam kos pengeluaran.

Sekali lagi, perniagaan besar asing juga yang mendapat faedah, manakala kita hanya mendapat sisa-sisa sahaja. Yang anehnya, ramai di antara kita telah terus ditipu oleh mereka, dan terus berfikir bahawa kita mendapat faedah besar. Malahan, sebahagian dari kita pula berebut-rebut cuba memperolehi sisa yang ditinggalkan tetapi melupakan bahagian besar kek yang telah dibawa lari.

SAINS SOSIAL ALA A.S.

Dalam tahun 1969, selepas rusuhan kaum 13 Mei, 4 orang ahli sains sosial — Myron Weiner dari Institut Teknologi Massachusetts, Nathan Glazer dan Samuel P. Huntington dari Universiti Harvard dan Manning Nash dari Universiti Chicago — telah dihantar secara sulit oleh DAS ke Malaysia untuk mengkaji masalah perkauman.

(Patut dinyatakan di sini bahawa Huntington itu adalah seorang ahli sains politik yang telah mengutarakan pendapat bahawa dengan mengebomkan kawasan desa dan memindahkan penduduk desa di Vietnam Selatan, kerajaan AS sebenarnya menolong proses urbanisasi dan modenisasi di negeri itu. Dia juga pernah mendakwa bahawa negeri-negeri Dunia Ketiga patut menegakkan pemerintahan kuat sambil mengenyepikan amalan demokrasi demi mencapai pembangunan.)

Laporan Yang Berpengaruh

Keputusan kajian mereka telah disampaikan kepada kerajaan Malaysia pada 29 April 1970 dalam satu laporan sulit yang berjudul *Kajian Sains Sosial Bagi Perpaduan Nasional: Satu Laporan Kepada Kerajaan Malaysia*. Di dalam laporan tersebut, empat orang penyelidik itu telah mendesak kerajaan Malaysia supaya menggalakkan perkembangan latihan dan penyelidikan sains sosial di Malaysia serta penggunaannya dalam penentuan dasar. Untuk tujuan ini, mereka telah mengesyorkan pengambilan perunding-perunding asing untuk bekerja di negeri ini dan pembentukan Majlis Kajian Kebangsaan untuk menggalakkan, membantu sambil mempengaruhi pengajian di luar naungan kerajaan.

Apakah motif di sebalik semua cadangan ini? Kita semua sedar

akan hakikat bahawa imperialisma merupakan sistem penguasaan ekonomi dan politik yang memerlukan alat polis-tentera untuk menghadapi cabaran terhadap kuasanya. Tetapi, di samping itu, imperialisma juga memerlukan pengetahuan atau *intelligence*. Para pengkajian sains sosial boleh menyediakan maklumat mengenai ekonomi, kebudayaan dan masyarakat yang dikuasainya.

Walaupun kita tidak harus membuat kesimpulan secara melulu, kita juga harus melihat beberapa perkembangan yang berlaku serentak di negeri ini pada waktu itu. Jika kita berbuat demikian, kita akan dapati misalnya bahawa syor-syor 4 orang ahli sains sosial itu menyokong pendapat Milton Esman, iaitu perunding DAS di Malaysia sejak 1965, yang menyeru pada tahun 1968 supaya ditubuhkan Pusat Pembangunan Pentadbiran Tun Razak, di mana teknokrat-teknokrat kanan boleh berunding dengan pakar-pakar sains sosial untuk menggubalkan dasar-dasar penting.

Di samping itu, kita juga dapati bahawa di AS sendiri pada waktu itu, wang yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan AS dan yaysan swasta untuk pengajian di Malaysia semakin meningkat. Hakikat ini mencerminkan perhatian semakin besar yang diberikan oleh badan penyelidikan dan perisik AS terhadap perkembangan sosial dan politik negeri ini.

Udang Sebalik Batu

Di samping itu, syor-syor yang dibuat oleh 4 orang ahli sains sosial ini mempunyai udang sebalik batu. Sebagai contoh, dalam usaha *menyakinkan* pendapat umum melalui pengajian ilmiah, mereka me-

nulis:

"... dengan mengkaji masalah pokok dan dengan membentangkan hasilnya kepada pihak berkenaan di dalam dan di luar kerajaan, kerja asas untuk membuat dasar akan dapat dimulakan, *pendapat umum disediakan untuknya dan elit-elit penting dipengaruhi untuk menyokongnya.*"

Mereka juga pernah mengutarakan polisi "penempatan semula rakyat dari golongan ekonomi atau kawasan tertentu". Dengan cadangan ini, mereka mengulangi pandangan Huntington mengenai faedah *urbanisasi* di Vietnam.

Sejauh mana-mana cadangan-cadangan empat orang ahli sains sosial ini telah diterima oleh kerajaan masih tidak jelas. Walaubagaima pun, perkembangan sains sosial di Malaysia jelas telah dipengaruhi oleh laporan tersebut. Sebagai contoh suatu hasil dari laporan tersebut ialah penubuhan Pusat Penyelidikan Dasar di Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang yang pada mulanya dibiayai oleh Yayasan Ford.



Syarikat FORD Malaysia memperkenalkan Pengarah Urusan terbarunya.

KESELAMATAN TERIKAT

Pertahanan menentang percero-
bohan luar dan pertentangan dalam
negeri ini di Malaya pada masa dulu
adalah tanggungjawab penjajah Bri-
tish, walaupun begitu AS bersedia
untuk membantu sekiranya diperlu-
kan.

Walaupun Malaya secara resmi-
nya tidak terletak di bawah satu-
satu rancangan bantuan atau perika-
tan ketenteraan pada masa itu, pi-
hak AS telah mula memberi bantu-
an senjata kepada kerajaan Malaya.
Sebagai contoh, pada zaman *Dharu-
rat*, kerajaan AS telah membekal
kerajaan penjajah Malaya dengan 10
ribu senjata jenis *carbine* dan 10
buah helikopter.

Kemudian, kerajaan Malaysia
pula telah menerima pinjaman se-
banyak AS\$11 juta melalui Bank
Eksport-Import AS serta satu pinja-
man secara langsung sebanyak
AS\$5 juta untuk mendapatkan
alat-alat senjata semasa konfrontasi
dengan Indonesia. Bantuan keten-
teraan demikian pada waktu-waktu
genting atau untuk projek-projek
genting telah menentukan corak
bantuan ketenteraan kepada Malay-
sia pada tahun-tahun berikutnya.

Pakatan Tidak Resmi

Walaupun tidak pernah ada satu
perjanjian pertahanan di antara AS
dengan Malaysia secara resmi pe-
luang untuk AS memainkan pera-
nan ketenteraan di negeri ini ter-
buka melalui pakatan-pakatan per-
tahanan lain. Malah, sejak tahun
1949, rancangan pertahanan AS di
Asia Tenggara telah diselaraskan de-
ngan kumpulan ANZAM (Britain,
Australia dan New Zealand).

AS mula terikat melalui gabu-
ngan SEATO, yang dibentuk pada
tahun 1954, untuk mempertahankan
jajahan-jajahan British di Asia
Tenggara, termasuk Malaya sebelum

1957 dan Singapura sehingga 1963.
Seterusnya pula, di bawah perjanji-
an ANZAM di antara AS, New Zea-
land dan Australia, AS boleh menol-
ong mempertahankan tentera
Australia dan New Zealand di
Malaya dan Singapura sekiranya
mereka diserang.

Di samping itu, kerajaan Malay-
sia juga telah pun menyesuaikan
diri mengikut strategi ketenteraan
antarabangsa AS. Sebagai contoh, ia
bukan saja telah membenarkan
3,000 pegawai-pegawai anti-gerila
Vietnam dilatih di Malaya di antara
1961 hingga 1966, tetapi ia juga
pernah menawar untuk menghantar
tentera Malaysia untuk berperang di
Vietnam.

Oleh itu, bukanlah satu perkara
yang menghairankan bila kita meli-
hat AS kini secara beransur-ansur
telah mengambil alih peranan
Britain dalam pertahanan Malaysia
dan Singapura. Ini adalah kerana
Britain tidak lagi mampu untuk me-
nempatkan tentera-tenteranya di
sini.

Pada 1966, kerajaan British telah
mengurangkan bilangan tenteranya
di Malaysia dan Singapura setelah
menghadapi masalah-masalah im-
bangan pembayaran yang buruk.
Selepas itu, Britain telah memutus-
kan untuk menarik keluar semua
tentera-tenteranya di kedua-dua ne-
geri tersebut menjelang tahun 1971.

Pada 1966, AS telah memulakan
sumbangan *bantuan* ketenteraan ke-
pada Malaysia di bawah Program
Bantuan Ketenteraan, manakala
tidak ada bantuan *langsung* sebelum
tahun 1962 dan hanya sedikit
bantuan sahaja di antara 1962 dan
1965. Jualan melalui kredit ke
Malaysia di bawah Akta Jualan Ke-
tenteraan Luarnegeri (FMS) AS te-
lah juga bermula pada 1966 dan da-
lam tahun 1967 Malaysia telah me-

nerima 10 buah kapal terbang jet.

Doktrin Nixon

Semasa lawatannya ke Malaysia
pada tahun 1970, Naib Presiden
Spiro Agnew telah menjelaskan
dasar AS di Asia Tenggara mengikut
Doktrin Nixon. Oleh kerana tenta-
ngan hebat di dalam AS sendiri ter-
hadap campurtangan Amerika di
Vietnam, *Doktrin Nixon* telah
mengutarakan rancangan ketentera-
an di mana AS akan memainkan pe-
ranan terbuka yang kecil dalam
negeri-negeri Dunia Ketiga yang
lain.

Sebaliknya, kerajaan-kerajaan
Dunia Ketiga akan bertanggung-
jawab terhadap keselamatan sendiri
dengan menggunakan senjata-
senjata AS dan bantuan dalam ben-
tuk pinjaman. AS tidak akan meli-
batkan tentera di negeri-negeri ini,
tetapi hanya akan menyediakan be-
kalan senjata, kemudahan latihan
serta nasihat sahaja.

Bekalan Senjata

Oleh itu, penjualan senjata ke
Malaysia melalui kredit yang diberik-
an di bawah Akta FMS dipesatkan
dari tahun 1971. Penjualan kapal-
terbang Sikorsky dan Northrop te-
lah dibuat pada tahun 1971 dan
1972, sebuah kapal pembantu
(*support ship*) pada tahun 1972
dan 100 buah kereta-kereta perisai
komando dalam tahun 1971.

Pertambahan pembekalan senja-
ta dari AS ini juga dapat dilihat dari
penjualan senjata kepada pasukan
polis. Pada 1973 dan 1974 Cadillac-
Gage telah membekalkan sebanyak
230 buah kereta perisai 'komando'
jenis V-150 kepada pasukan polis,
sementara Smith dan Wesson telah
membekalkan senjata ringan dan
peluru-peluru.

Sambungan di m.s. 23

NADI INSAN, NOVEMBER 1980



Pekerja-pekerja Ruf berpiket di sekitar Dewan Sri Pinang

PEKERJA WANITA MEMBANGUN

Tetapi Majikan Kilang-kilang Elektronik Di Pulau Pinang Berjaya

Aminah Junid

Baru-baru ini, pekerja-pekerja kilang elektronik Advanced Micro Devices (AMD) yang bertempat di Bayan Lepas, Pulau Pinang telah ditawarkan kenaikan gaji. Betapa hampanya! Sementara kakitangan yang bergaji lebih pada \$200/- sebulan diberi tambahan sebanyak \$60 atau lebih sebulan, mereka di bawah peringkat itu diberikan hanya \$5 sebulan sahaja.

Marah seorang pekerja, "Inikah nasib kami? Kamilah tulang belakang tenaga kilang ini. Apa yang ada kalau kami tidak ada?"

Lalu, beberapa orang pekerja memulakan bantahan; tindakan yang bermula dengan kerja perlahan (*go slow*) telah dijadikan mogok pada syif petang. Apabila keadaan masih berterusan pada waktu malam, barulah pihak majikan sudi bertemu dengan wakil-wakil pekerja. Keesokan pagi, para pekerja mendapat tambahan sebanyak \$40.

Motorola

Setelah mendengar berita kejayaan di kilang AMD, beberapa orang pekerja di Syarikat Motorola bertindak untuk tujuan yang sama. Antara lainnya mereka menuntut:

- i) tambahan \$2 sehari ke atas gaji pokok
- ii) tambahan subsidi makanan
- iii) subsidi penuh untuk kenderaan

Mereka menetapkan Hari Ahad, 14hb. September untuk membicaraan perlawanan mogok. Tetapi pihak majikan mendapat tahu sebelumnya dan cepat-cepat menawarkan tambahan sebanyak \$1.50 ke atas gaji harian. Akibatnya, rancangan mogok itu terkandas.

Intel

Di kilang Intel pula, lebih kurang 40 pekerja tidak balik bekerja selepas masa rihat untuk membantah kenaikan \$40 pada elaun kos hidup. Sebabnya ialah elaun ini tidak akan dibayar pada masa cuti am, lebih masa (*over-time*), bonus dan lain-lain. Mereka menuntut supaya tambahan itu dimasukkan dalam gaji pokok. Oleh kerana tekanan dari majikan dan kurangnya sokongan dari pekerja lain, tindakan itu gagal setelah dua jam.

Wartawan Dihalang

Beberapa kegiatan mogok telah menimpa kilang-kilang di kawasan itu, termasuk syarikat Granek, Hewlett-Packard, Robert Bosch dan Fastron. Berita-berita mengenainya didiamkan sehingga satu kejadian berlaku di mana dua orang pemberita ditahan oleh Syarikat Ruf semasa mereka sedang membuat siasatan.

Sebelum itu, dua orang pekerja telah melawat akhbar *The Star* untuk mendapatkan sokongan serta publisiti untuk tuntutan mereka. Mereka mahukan kenaikan gaji sebanyak \$2 hingga \$3 sehari, kenderaan percuma, subsidi makanan dan pengurangan masa bekerja. Pihak majikan telah menolak tuntutan itu dengan alasan bahawa tambahan gaji telah diberi tidak lama sebelumnya dan waktu bekerja adalah kurang dari tempoh maksima 48 jam seminggu sebagai yang dibenarkan dari segi undang-undang.

Polis Pencegah Rusuhan telah digunakan untuk menyuraikan satu perhimpunan pekerja yang ramai, dan Tuan OCPD memberi amaran bahawa kumpulan yang melebihi lima orang adalah salah. Akhirnya, 17 orang dibuang kerja dan yang lain ditawarkan bekerja semula dengan gaji dahulu sebelum mogok.

Kenaikan Upah Yang Kosong

Kesemua ini merupakan kegagalan besar bagi kaum pekerja dari segi tuntutan mereka (walaupun tidak boleh dinafikan bahawa kejayaan tercapai dari segi lain.) *Tambahan gaji* yang diberikan oleh majikan hanya lebih kurang \$2 sehari, tetapi waktu bekerja telah dipanjangkan sebanyak lebih pada sejam sehari. Syif dahulu tamat pada pukul 3.50 petang; sekarang, tamat pada pukul 5.10 petang.

Pihak majikan mendakwa bahawa pekerja beruntung akibat pertukaran dari jadual kerja 6 hari seminggu kepada jadual 5 hari seminggu. Tetapi sebenarnya, mereka berkurangan gaji sehari sebab mereka dibayar mengikut kadar harian.

Demikian juga kisah-kisah di syarikat lain. Granek, misalnya, telah memberi tambahan gaji sebanyak \$1.50 sehari. (Padahal sebelum itu, pekerjaannya diberi gaji yang lebih rendah dari paras upah biasa di kilang elektronik lain.) Waktu bekerja ditambah sebanyak 40 minit sehari sementara hari Sabtu dijadikan hari cuti.

Dengan peraturan baru ini, para pekerja hanya mendapat tambahan sebanyak \$2.60 seminggu, walaupun majikan melaungkan bahawa mereka mendapat tambahan \$1.50 sehari. Selain dari itu, matlamat pengeluaran mereka dinaikkan dari 800 ke 1200, iaitu sebanyak 50%!

Tindakan Pihak Majikan

Pekerja yang telah bermogok se-

karang ditekan oleh majikan. Pekerja-pekerja yang melancarkan tindakan bantahan di AMD dipotong \$2 dari kenaikan gaji separuh tahun. Ada ura-ura bahawa majikan sedang menyasiat supaya dapat mengesan pemimpin mogok untuk tindakan tegas.

Di Syarikat Intel, pekerja yang aktif telah dipindahkan ke syif pagi di mana kawalan majikan lebih ketat. Sekarang pengawal-pengawal ditempatkan di dalam kantin dan juga dalam bas kilang.

Majikan Motorola kini melarang perhimpunan yang melebihi 5 orang, sementara Syarikat Ruf mampu bertindak tegas terhadap pekerja yang bermogok itu kerana telah mengumpul stok untuk tempoh sebulan.

Kelemahan Pekerja

Dari segi lain, gerakan tadi menunjukkan kelemahan pekerja elektronik. Mereka dilarang menubuhkan kesatuan sekerja oleh pihak berkenaan. Dengan itu, mereka kehilangan kuasa untuk membela diri — satu hak asasi pekerja.

Pihak pemerintah adakan undang-undang buruh yang ketat sebagai pemanis untuk pelabur asing dan juga supaya belanja pengeluaran dapat dikurangkan dan untung berlipat ganda. Dan apabila kaum pekerja terdesak oleh keadaan dan bertindak di luar undang-undang, orang ramai diberitahu bahawa mereka telah dihasuti oleh anasir-anasir *subversif*!



Pekerja-pekerja Ruf berpiket di hadapan Tokong Ular di Pulau Pinang

PERISTIWA SOUTH-EAST ASIA FIREBRICKS

Keazaman Dan Perpaduan Pekerja Memperolehi Kejayaan Di Mahkamah

Nur Seri & S.L. Chu

Enam tahun dulu, pada 4hb Februari 1974, 73 orang pekerja kilang South-East Asia Firebricks (SEAF) di Selayang, Kuala Lumpur melancarkan mogok. Sebabnya ialah pihak majikan tidak mengiktirafkan kesatuan mereka dan enggan merundingkan persetujuan sekumpulan.

Majikan masih berdegil walaupun lebih dari 50% daripada semua pekerja telah menjadi anggota Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkilangan Keluaran Galian Bukan Logam (KPPKGBL) dan pihak Kementerian Buruh juga telah meminta SEAF berunding dengan kesatuan itu.

Pada 16hb Februari 1974, Kementerian Buruh merujuk sengketa ini kepada Mahkamah Perusahaan dan semua pekerja telah cuba bekerja semula sambil menunggu keputusan mahkamah. Bila mereka tiba di kilang, pihak majikan tidak membenarkan pekerja balik bekerja, (lock-out).

Perbuatan majikan SEAF itu didutuk oleh mahkamah sebagai salah dan SEAF diarahkan mengambil balik kesemua 73 orang pekerja dari tarikh 16hb Februari 1974 itu. Pihak majikan dikehendaki memberi semua pekerja jawatan dahulu dengan syarat-syarat yang sama, termasuk gaji yang mereka berhak memperoleh sejak mereka di *lock-out*.

Majikan SEAF berkeras kepala dan telah membawa kes itu ke Mahkamah Tinggi yang telah memberi keputusan yang menyokong majikan SEAF pula. Mengikut mahkamah itu, pihak majikan berhak membuang kerja mana-mana pekerja yang tidak menghadiri kerja

during 48 jam, *walaupun ia sedang bermogok*.

Kesatuan pula telah merayu kepada Mahkamah Persekutuan yang memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi tiada hak (jurisdiction) ke atas Mahkamah Perusahaan. Pendirian ini telah disahkan oleh *Privy Council* di London baru-baru ini setelah pihak majikan telah merayu ke sana.

Kemenangan Cemerlang Pada Semua Pekerja

Encik A. Mohd. Basir, presiden KPPKGBL, telah menyatakan bahawa "Ini adalah satu kemenangan untuk semua kesatuan di negeri ini Memang benar. Keputusan kes SEAF telah menegakkan hak semua pekerja untuk menubuhkan kesatu-

... Keputusan kes SEAF telah menegakkan hak semua pekerja untuk menubuhkan kesatuan, melancarkan mogok dan bertindak secara kumpulan ...

an, melancarkan mogok dan bertindak secara kumpulan.

Seandainya majikan telah menang, ini akan bermakna bahawa hak pekerja untuk bergerak bersama dalam melancarkan mogok akan disekat lagi dari segi undang-undang. Kata Tuan Hakim Raja Azlan Shah di Mahkamah Persekutuan:

"Kalau keputusan Mahkamah Tinggi itu betul, ini akan menimbulkan kesan-kesan buruk kepada kesatuan pekerja dari segi hak melancarkan mogok".

Hakim itu juga berhujjah selanjutnya bahawa:

"Memang adalah pendapat saya bahawa pekerja-pekerja berhak bermogok untuk sesuatu tuntutan

an yang halal mengenai urusan syarikat. Mereka yang bermogok tidak boleh dibuang kerja. Perjanjian pekerjaan mereka dengan majikan digantung buat sementara, dan bukan ditamatkan, dan mereka berhak diberi semula jawatan dahulu dengan syarat-syarat yang sama".

Semangat Pekerja Membara

Encik Basir telah memberitahu *Nadi Insan* bagaimana pekerja-pekerja SEAF berteguh dengan semangat yang tidak terputus selama 6 tahun. Selain dari pertolongan kewangan yang sedikit daripada kesatuannya, kebanyakan pekerja telah mendapat kerja sambil menunggu kehidupan seharian.

Katanya:

"Mereka tahu bahawa pendirian mereka itu betul dan majikan yang salah. Mereka berazam akan berjuang hingga mencapai keadilan... Kalau mereka tidak berada di belakang kesatuan, kami tidak akan berjaya. Semua terpulangnya kepada mereka—mereka menuntut keadilan".

Gangguan Dari Majikan

Perjuangan mereka masih berterusan. 59 dari pekerja yang bermogok itu telah dapat bekerja semula. Tetapi mereka sentiasa diganggu oleh majikan SEAF. Setengah dari mereka selalu dipanggil dan disoal; mereka digertak dan diganggu supaya mereka berhenti. Pe-

kerja-pekerja ini belum mengakui kalah.

Ada juga pekerja yang tidak diberi jawatan yang dulu. Sepuluh buruh wanita disuruh bekerja di bawah terik cahaya matahari, walaupun dahulu mereka bekerja di dalam kilang. Mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam bangunan pada masa rehat pun!

Sehingga awal bulan Oktober lalu, gaji tunggakan yang sepatutnya telah dibayar dahulu (back pay) masih belum dibayar lagi. Pihak majikan hendak menolak upah yang mereka pernah terima sebagai buruh kasar dalam tempoh enam tahun yang lepas. Tetapi mereka terus menuntut bayaran yang ditatapkan oleh mahkamah.

Perjuangan Masih Berterusan

Walaupun mahkamah-mahkamah telah membuat keputusan, perjuangan mereka masih berterusan lagi. Kata Encik Basir,

"Kesatuan kami berani menghadapi cabaran dari pihak majikan. Tetapi semuanya terpulangnya kepada sokongan dari pekerja. Bolehkah mereka menghadapi tekanan?".

Pihak pekerja yang akan mempertahankan kepentingan mereka sendiri dengan kekuatan mereka sendiri. Mereka patut dijamin hak bersuara untuk menentukan keadaan kerja mereka. Mengikut hujjah-hujjah Mahkamah Perusahaan tadi, "Pihak majikan mestilah sedar bahawa adalah suatu hasrat manusia biasa untuk bersuara walaupun papa kedana, dan bukan berbisu dalam kemewahan". Ini bukan hanya "hasrat biasa", tetapi merupakan tuntutan hak asasi manusia.

Kemenangan perjuangan pekerja SEAF merupakan suatu perangsang bagi orang-orang yang kuat mempertahankan hak-hak kaum pekerja yang terus dibataskan dan dilemahkan dalam masyarakat kita kini. Ia juga merupakan suatu kejayaan bagi semangat perpaduan berazam.

Recently, Nadi Insan had the opportunity to interview Mr. D.P. Xavier, the lawyer representing the Non-Metallic Mineral Products Employees' Union (NMPEU) in the Southeast Asia Firebricks (SEAF) case. Below are excerpts from the interview.

LAWYER ON SOUTH-EAST ASIA FIREBRICKS CASE

NI: What is the significance of the SEAF victory case for workers, from a legal point of view?

DPX: For the first time in Malaysian trade union history, a trade union and a group of workers have taken their case from the lowest court right up to the highest, that is, the Industrial Court (IC) right up to the Privy Council (PC). There are two significant points to note from the SEAF case. First, the workers' right to strike has been established once and for all by the Federal Court (FC) of this country. Second, the PC's judgement has established that IC awards cannot be challenged in the High Court (HC).

NI: Could you elaborate a little on this?

DPX: When the case was brought to the PC, the PC did not go into the merits of the IC award. It made a preliminary judgement that the IC award cannot be challenged by way of *certiorari* in the HC. The *certiorari*, I would like to add here, is a special prerogative remedy given to the aggrieved party to take the dispute from an inferior court to the HC on questions of law. The records in the IC will show that it is mostly the employers that have been losing their cases and that they have been taking their cases to the HC on *certiorari*. Now, the IC's awards can only be challenged if the IC has committed a jurisdictional error, i.e., if it has exceeded its own powers.

NI: Does this also mean then that the IC awards cannot be challenged even in the FC and the PC?

DPX: Yes, it amounts to that, almost. The IC is free to do whatever it likes provided it does not exceed its jurisdiction. That is the practical effect of the PC's decision. The HC, the FC and even the PC will not be in a position to interfere with the IC provided it does not exceed its

powers. In other words, it can commit an error within its jurisdiction. This cuts both ways.

NI: What is the implication for future strike actions?

DPX: When the dispute was taken before the IC, the real issue was whether the worker who goes on a legal strike for more than 48 hours is acting within the law. There is a provision in the Employment Ordinance, I think in Section 15(2), which says that any worker who absents himself for more than 48 hours without reasonable cause or excuse commits breach of contract with his employers and terminates his own employment. So, in the SEAF case, when the workers went on strike for more than 48 hours, from 4th February to 16th February 1974, the employers dismissed the workers on the grounds laid out in Section 15(2). The Company refused to accept that a strike is a reasonable cause for absence. The IC, however, upheld that a legal strike is a reasonable cause for absence. Workers can go on strike if the strike is legal, i.e., if the law of the land (in this case, the relevant sections of the Trade Union Ordinance and the rules and regulations of the trade union itself) is followed. This is the very first time that the right to strike has been challenged in the FC and reaffirmed beyond all question. The SEAF case will go down in legal history as the case which establishes the principle that workers can go on strike provided the strike is a legal one.

NI: Could you comment on the significance of this case in light of the new labour laws and the recent reorganization of the IC?

DPX: The PC judgement has great significance for the new labour laws, whereby, the Government introduced a new section to the Industrial Relations Act, i.e. Section 33(a), giving the right to the aggrieved party, for the very first time, to appeal to the HC on a point of law. The trade unions and the employers — I think mostly the employers — have been agitating for a long time for some form of *affiliate provision* to the IC award. The difference between the *certiorari* and an *affiliate jurisdiction* is this. If an IC award is challenged and then quashed in the HC under *certiorari*, one would have to start all over again in the IC. However, if the IC award is taken up to the HC under the new amendments, the HC need not quash it. Rather, the HC retains the award and amends it according to the law. So there is no need to go back to square one. But in industrial disputes, the accent is on expeditious settlement. Thus, they have said that the right of appeal must stop at the HC. No FC, no PC. However, I feel, as a practicing lawyer involved with the IC in the last several years, that the Government should make further amendments to allow the right of appeal at least up to the FC.

Latihan Ketenteraan

Selari dengan pembekalan senjata ini ialah latihan anggota-anggota polis dan tentera. Penjualan dan pembekalan alat-alat ketenteraan biasanya merupakan permulaan kepada rancangan-rancangan latihan seperti latihan teknikal yang perlu untuk mengetahui cara-cara menggunakan alat-alat baru yang dibekalkan itu.

General Electric dan Lockheed pernah memberi latihan dalam penggunaan kapal terbang mereka, sementara Jabatan Pertahanan Amerika memberi latihan kepada juruterbang Malaysia untuk menggunakan pesawat Northrop F-5E. Dalam masa yang sama, angkatan tentera laut AS memberi latihan kepada tentera laut Malaysia yang bertugas di atas kapal USS Huntington County, yang dibekalkan oleh AS.

Adalah penting kita mengambil perhatian terhadap hakikat bahawa walaupun Malaysia tidak menerima banyak hadiah alat ketenteraan dari AS, latihan yang diberi kepada anggota tentera Malaysia oleh AS di Bawah Rancangan Bantuan Ketenteraan telah dimulakan pada awal tahun-tahun 60an dan diteruskan hingga ke hari ini dengan kadar yang kian meningkat.

Angka-angka menunjukkan bahawa sehingga tahun 1963, hanya 18 anggota tentera Malaysia telah dilatih di AS. Menjelang tahun 1968, jumlahnya telah meningkat ke 123, dan menjelang tahun 1970 pula, ianya meningkat lagi menjadi 225 orang. Bagi anggota polis pula, bantuan latihan AS bermula pada tahun 1967 dengan 18 anggota Malaysia yang menerima latihan di AS.

Penghujung Tahun 70an

Perkembangan yang menuju ke arah penglibatan AS secara langsung dalam pembekalan senjata dan latihan ketenteraan menjadi lebih ketara pada akhir tahun 1970an. Satu

laporan dalam Far Eastern Economic Review (FEER) keluaran 23hb Julai 1976 menunjukkan bahawa:

"Di bawah skim kredit tahun lalu, angkatan bersenjata Malaysia telah membeli 16 buah kapal terbang pejuang jet F-5 dan kini sedang membeli 26 buah helikopter jenis S-61 dan UH-1 H-Huey; 2 buah kapal pendarat untuk membawa kereta, 12 buah meriam tangan (*howitzers*) jenis 105 mm dan 32 buah kereta perisai jenis V-150. Kebenaran pengumuman baru yang menyatakan bahawa keseluruhan angkatan bersenjata akan dibekalkan dengan senapang jenis M-16 (yang digunakan di Vietnam dahulu) dapat dilihat dengan pembelian 60,800 pucuk senapang ini bersama dengan 400 ribu buah bom tangan dan 30 juta biji peluru

Kredit FMS bagi Malaysia pada tahun 1975 ialah sebanyak AS\$4.7 juta; dalam tahun 1976, ianya meningkat kepada AS\$17 juta dan menjelang tahun 1977 kepada AS\$36 juta. Apabila ditambah dengan pembelian secara tunai, jumlahnya tentulah lebih besar lagi. Dalam tahun 1977, di bawah program Pelajaran dan Latihan Tentera Antarabangsa, sebanyak AS\$291 ribu telah dibelanjakan untuk melatih 42 anggota tentera Malaysia. Untuk tahun 1978 pula, lebih kurang AS\$595 ribu telah diperuntukkan untuk latihan dan 72 orang telah dilatih.

Peranan ASEAN

Sejak pertengahan tahun 70an, ASEAN bertambah penting sebagai pertubuhan untuk kerjasama keselamatan serantau. Idea untuk menggalakkan kumpulan serantau yang kuat bagi kepentingan keselamatan adalah juga sebahagian dari strategi AS di Asia Tenggara.


Sejak tahun 1954 lagi, iaitu lama sebelum ASEAN ditubuhkan, Eisenhower telah menekankan pentingnya "mengusahakan perjanjian ekonomi dan kebudayaan serantau

di antara negara-negara Asia Tenggara dan seterusnya dengan Japan". Ia menyatakan bahawa "berdasarkan kepada perjanjian-perjanjian yang seumpama itu, pihak AS harus mencari jalan secara aktif, tetapi tidak secara ketara, supaya ianya berkembang kepada satu perjanjian pertahanan dan AS juga harus sanggup mengukuhkan perjanjian itu dengan bantuan ekonomi . . ."

Di dalam satu pengumuman selepas melawat Asia pada tahun 1976, Presiden Ford telah berkata, "(AS) akan memberi sumbangan yang terbesar kepada kepentingan nasional kami (AS) dengan menguatkan lagi hubungan mereka (sekutu AS di Asia Tenggara dan Timur) dengan kami, perpaduan sesama antara mereka, dan keselamatan mereka serantau".

Dengan kekalahan AS di Vietnam, tumpuan strategi AS di Asia Tenggara sudah tentu akan tertumpu kepada kelima-lima negeri ASEAN yang kesemuanya diperintah oleh pemerintah yang pro-AS.

Oleh kerana perkembangan di negeri-negeri ASEAN itu ialah ke arah menambahkan alat-alat ketenteraan mereka sambil menguatkan lagi angkatan tentera mereka, maka cita-cita AS terhadap keselamatan serantau ASEAN dan kerjasama ketenteraan sudah pun tercapai pada hakikatnya walaupun tiada apa-apa perjanjian secara bertulis.



"Doktrin Nixon" menggalakkan berkari dalam pertahanan.

Dasar Luar Amerika Syarikat

Wira Jaya

Untuk memahami dasar Amerika Syarikat (AS) terhadap sesuatu rantau (seperti Asia Tenggara) pada satu ketika tertentu, kita harus menganalisa kedudukan A.S. dalam konteks keadaan dunia semasa, dengan mengambilkira kepentingan serta dasar A.S. pada masa lalu. Maka, kita harus memahami: (1) kejayaan serta kegagalan dasar serta tindakan yang lepas dalam bidang politik, ketenteraan dan diplomasi; (2) sokongan dan bantahan dalam A.S. sendiri terhadap dasar-dasar itu; serta sokongan dari luar yang dapat diperolehi daripada rakan-rakan dan penyokong-penyokong.

Dari tahun enam puluhan sehingga awal tahun tujuh puluhan, dasar luar AS melibatkan pencerobohan secara besar-besaran di Indochina. Setelah A.S. telah dihalau dari situ pada tahun 1975, dasar luar yang baru telah timbul, iaitu dasar yang kononnya menekankan hak asasi manusia. Walaubagaimana pun, perkembangan baru-baru ini, iaitu sejak tahun 1979, menunjukkan bahawa pemerintah A.S. sedang membuat persediaan untuk pencerobohan pada masa-masa akan datang. Soalnya di sini ialah mengapa perubahan-perubahan ini telah berlaku.

Kepentingan A.S.

Dasar luar A.S. dalam jangka masa panjang ditentukan oleh beberapa faktor yang berkaitan dengan kepentingan syarikat-syarikat gergasi dan juga dengan kekuatan A.S. dibandingkan dengan kuasa-kuasa lain yang dihadapi. Tujuan utama ini menjadi makin penting oleh kerana pemodal-pemodal A.S. memperolehi bahagian keuntungan yang besar dari perniagaan di luar A.S.

Walaubagaimana pun, soal pengumpulan modal bergantung ke-

pada 3 faktor penting:

- (1) Kuasa pihak pemerintah A.S. sendiri di kalangan masyarakatnya sendiri, termasuk sokongan rakyat A.S. terhadap kegiatan pihak pemerintah A.S. di luar negeri;
- (2) Kekuatan ketenteraan serta perkhidmatan-perkhidmatan sampingan untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan ekonomi tadi; dan
- (3) Perhubungan A.S. dengan rakan-rakan dan penyokong-penyokong di negeri-negeri kapitalis maju dan di dunia ketiga yang sanggup bekerjasama untuk mempertahankan sistem antarabangsa yang sedia ada.

Keadaan Pada Pertengahan Tahun 70an

Tiga perkembangan pada awal tahun tujuh puluhan pernah mengakibatkan bantahan kuat terhadap dasar luar A.S., yang telah pula melemahkan kesanggupan pihak pemerintah terus membela kepentingan-kepentingan syarikat-syarikat A.S:

- (1) Kekalahan dalam perang Indochina, termasuk pengorbanan serta kos dari segi ekonomi dan manusia tidak mengizinkan pihak pemerintah A.S. terus menceroboh dengan sewenang-wenangnya;
- (2) Kegelisahan yang meluas di kalangan pentadbiran serta angkatan tentera A.S. setelah kekalahan itu;
- (3) Kekecewaan rakan serta penyokong A.S. di Eropah dan Dunia Ketiga setelah peristiwa Watergate dan beberapa perkembangan lain.

Maka, pucuk pimpinan A.S. terpaksa mencipta dasar luar yang sesuai dengan keperluan semasa, iaitu:

- (1) Bagi mengatasi kegelisahan umum terhadap dasar pencerobohan dan terhadap kerajaan yang tidak dihormati umum;
- (2) Bagi menyusun semula sambil memperkuat angkatan tentera;
- (3) Bagi mencipta suatu imej antarabangsa yang baru supaya tidak terencil lagi dari segi diplomasi antarabangsa. Sebelum A.S. boleh menceroboh secara langsung di Dunia Ketiga sekali lagi, pihak pemerintah perlu melemahkan bantahan sambil memperkukuhkan kedudukan sendiri.

Hak Asasi Manusia: Dasar Peralihan

Tujuan sebenar dasar hak asasi manusia Presiden Carter—iaitu untuk mengatasi bantahan di dalam dan di luar negeri dan juga untuk memperkuat kesanggupan pemerintah A.S. untuk menceroboh pada masa depan—tidak dapat dinafikan lagi. Penyingkiran Andrew Young, bekas duta A.S. kepada Bangsa-bangsa Bersatu, dan Cyrus Vance, bekas Setiausaha Negara A.S. dari kabinet Presiden Carter mencerminkan bahawa dasar hak asasi manusia hanya merupakan taktik sementara yang tidak laku lagi.

Tidak boleh dinafikan bahawa dalam keadaan-keadaan tertentu pada awal tempoh pentadbiran Carter, Kerajaan A.S. pernah mendesak supaya cara-cara pemerintahan yang bercorak parlimen patut diamalkan. Walaubagaimana pun, hubungan-hubungan ekonomi dengan pemerintah-pemerintah yang dikutuk itu terus dikekalkan, malah dimajukan. Pada dasarnya, regim-regim yang melanggar hak asasi manusia tidak digugut langsung.

Disamping itu, dasar hak asasi ma-

nusia itu ditumpukan kepada blok Soviet yang digambarkan sebagai penjahat utama dari segi ini.

Ramai pemerhati pernah membahaskan soal apakah dasar hak asasi manusia itu berkesan atau tidak, misalnya dari segi kelepasan tahanan politik. Tetapi perbahasan itu sebenarnya tidak tepat. Soal utama sebenarnya dalam penilaian terhadap dasar hak asasi manusia itu adalah berkaitan dengan kejayaan atau kegagalannya dari segi tujuannya untuk mencerooboh semula dalam Dunia Ketiga. Dari segi ini, tidak boleh dinafikan bahawa dasar peralihan itu telah berjaya.

berjaya. Dasar berkenaan telah berjaya melemahkan bantahan di dalam A.S. sendiri terhadap dasar luar A.S. pada amnya. Misalnya, ramai

orang yang berfahaman liberal telah diserap ke dalam pentadbiran Carter, sementara ramai bekas pengkritik dasar luar A.S. memberi sokongan terhadap pentadbirannya. Beberapa rakan di Eropah Barat juga telah dapat dipujuk dengan dasar baru itu, sementara sokongan kepada A.S. daripada Dunia Ketiga telah mula bertambah sekali lagi (akibat dari faktor-faktor lain juga). Angkatan tentera A.S., yang tidak menggunakan askar-askar kerahan lagi, tidak lagi menggandungi unsur-unsur pembangkang seperti dahulu dan telah disusun semula untuk bertindak dengan lebih berkesan secara kilat, seperti pernah dicuba di Iran pada awal tahun ini.

Ini tidak bermakna bahawa A.S. dapat bertindak di medan dunia se-

perti dahulu. Keadaan dunia telah banyak berubah dan kedudukan A.S. tidak seperti dahulu. Dalam keadaan demikian, tektik A.S. sentiasa akan disesuaikan dengan keadaan yang dihadapi walau pun dasar-dasar yang dapat diamalkan mungkin kurang daripada apa yang dikehendaki. Oleh itu, jenis tindakan A.S. tidak akan semestinya akan merupakan bentuk yang paling berkesan atau pun yang paling dahsyat tetapi yang akan mencerminkan pilihan yang paling sesuai dalam keadaan tertentu mengikut pandangan pemimpin. Maka, pemahaman yang mendalam terhadap dasar luar A.S. harus mengambilkira pilihan-pilihan yang terbuka kepadanya, dan juga kesanggupannya bertukar dasar mengikut keadaan.

NI

Sambung dari ms. 11

pokok yang mempunyai implikasi yang lebih menyeluruh jarang disentuh. Walaupun demikian, kejayaannya masih terhad.

Keberkesanan Kumpulan Rakyat

Apakah kumpulan-kumpulan demikian berkesan? Pengaruhnya memang terhad. Walaubagaimanapun, kumpulan-kumpulan ini dapat mengembangkan kesedaran rakyat tentang masalah perlindungan alam sekitar pencemaran, kenaikan harga dan inflasi.

Kempen-kempen *Selamatkan Endau-Rompin* dan *Selamatkan Batu Caves* telah mendedahkan peranan kerajaan negeri masing-masing terhadap hasrat rakyat yang inginkan melindungi khazanah alam yang telah mereka warisi. Penentangan pergerakan ini telah membongkar kepentingan yang dilindungi oleh kerajaan negeri dan juga keangkuhan terhadap perasaan rakyat.

Isu-Isu

Beberapa pergerakan rakyat telah juga menumpukan perhatian kepada keluhan golongan miskin —

petani, nelayan, setinggan, pekerja dan golongan lain yang tertindas. Kejayaan mereka dari segi ini tidak dapat dibanggakan sangat; kejayaan yang ada masih terhad. Mungkin juga kumpulan-kumpulan yang kebanyakan dipimpin oleh golongan cerdik pandai lebih memberatkan isu-isu semasa yang dirasai mereka dan mungkin ini bukan issue utama yang melibatkan rakyat jelata. Oleh itu, sokongan luas dari rakyat jelata tidak timbul.

Malangnya, kelemahan ini dari segi sokongan umum telah membentuk pergerakan mereka. Minat terhadap mereka adalah terhadap kepada golongan terpelajar dan peminat yang sentiasa mengikut perkembangan zaman. Kempen melalui ceramah umum dan dengan mengadakan projek tertentu yang melibatkan rakyat jarang terdapat. Setakat ini, hanya CAP yang berjaya mendampingi pengguna luar bandar.

Masa Depan

Walaupun terdapat kelemahan tertentu, tidak dapat dinafikan bahawa pergerakan rakyat kian ber-

kembangan dan dapat menimbulkan kesedaran kepada orang ramai. Melalui ceramah dan perbincangan di sekolah, kumpulan-kumpulan ini berjaya menanamkan kesedaran terhadap masyarakat di kalangan penuntut. Perkembangan kelas menengah juga menyumbangkan lebih ramai ahli untuk pergerakan-pergerakan demikian.

Pergerakan rakyat memang perlu dan dihargai oleh masyarakat. Peranan mereka untuk mengawasi penyelewengan, keterlaluan dan kelemahan kerajaan dan menegur pegawai-pegawainya agar hasrat rakyat patut disokong. Oleh demikian, pergerakan ini harus menyuarakan ketidakpuasan terhadap dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang menindas golongan tertentu. Mereka tidak harus mengutamakan kepentingan individu ataupun menyokong perbalahan yang sempit. Dengan matlamat yang harum ini serta amalan yang dapat disanjung tinggi, pergerakan-pergerakan ini dapat menyambung ke arah mendirikan masyarakat yang lebih demokratik dan adil.

NI

Iran-Iraq: Mazhab Atau Minyak

Timur Tengah menarik perhatian dunia sekali lagi apabila perang tercetus di antara dua negeri Islam pengeluar minyak yang terkenal — Iran dan Iraq. Kedua-dua pihak masing-masing menuduh pihak yang lagi satu sebagai pihak yang bertanggungjawab tercetusnya perang itu.

Iran juga menuduh Amerika Syarikat (AS) sebagai dalang di belakang Iraq dalam peperangan kali ini. Tapi, Iraq menerima alat-alat kelengkapan perangnya dari Uni Soviet. Sementara itu, kedua-dua kuasa besar AS dan US telah mengistiharkan bahawa mereka tidak akan campurtangan dalam perang itu.

Mungkin masih terlalu awal bagi kita untuk mendapat gambaran sebenarnya. Namun demikian, dari berita-berita awal mengenai peperangan itu, mungkin kita dapat membuat beberapa rumusan dan ramalan.

Nampaknya, pemimpin-pemimpin negeri Arab yang lain lebih cenderung menyebelahi Iraq dalam peperangan ini. Dengar khabarnya, pendirian mereka ini lebih dipengaruhi oleh sikap tidak senang hati mereka terhadap revolusi di Iran dari semangat ke Arab atau perbezaan Mazahab. Mereka takut yang pengalaman rakyat Iran akan dijadikan contoh oleh rakyat negeri mereka yang akan menggugat kedudukan mereka. Oleh itu, mereka lebih suka melihat Iraq mengalahkan Iran dalam peperangan itu supaya revolusi di Iran tidak dapat diteruskan dan pengalaman Iran tidak ditauladani oleh rakyat Arab.

Kedua-dua kuasa besar AS dan SU serta Israel juga turut senang hati melihat Iran menjadi lemah. Bagi pihak AS, mereka telah lama menjadi sasaran revolusi Iran. Malahan, revolusi di Iran telah melemahkan kekuatan mereka di kawasan Teluk Parsi. Sehingga kini, masalah kakitangan kedutaan mereka yang ditawan oleh pelajar-pelajar Iran masih belum tentu penyelesaiannya. Oleh itu, mereka sudah tentu mengharapkan agar peperangan ini akan mengakibatkan pemerintah Iran memerlukan-nya atau pihak lain yang pro-AS dapat mengambil kesempatan untuk merampas kuasa di Iran. Dari sudut Soviet pula, peperangan Iraq-Iran ini sekurang-kurangnya telah dapat mengalih pandangan dunia buat sementara waktu ini dari isu pencerobohannya di Afghanistan.

Walaupun banyak pihak, dengan motif mereka tersendiri, ingin melihat Iraq mengatasi Iran dalam peperangan ini, tetapi tentera Iran nampaknya telah dapat menyekat kemaraan tentera Iraq. Kejayaan Iran ini sungguh memeranjatkan banyak pihak. Ramai di antara

mereka meramalkan yang Iraq akan dapat mengalahkan Iran dengan mudah. Mereka menyangkakan yang permusuhan di antara Iran dan AS akan menyekat Iran dari memperolehi alat ganti untuk kelengkapan perang mereka yang dibekal oleh AS semasa pemerintahan Shah dulu. Tetapi, ramalan mereka nampaknya tidak tepat. Menurut satu laporan berita, bekalan alat-ganti dari AS terus mengalir masuk ke Iran melalui pembekal-pembekal Jepun!

Sementara itu, negeri-negeri perindustrian, khususnya Jepun dan negeri-negeri Eropah, merasa amat khawatir yang peperangan itu akan berlanjutan dan menjejaskan bekalan minyak dunia yang akan memberi kesan buruk ke atas ekonomi mereka. Kekhawatiran mereka ini turut juga disuarakan oleh setengah-setengah pemimpin Dunia Ketiga.

Seperti dalam krisis-krisis lain, terdapat juga pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan dari peperangan ini. Sebagai contoh, pemimpin Israel telah cuba menggunakan isu peperangan Iran-Iraq untuk "membuktikan" yang mereka bukan punca perang di Timur Tengah. Tapi, dakwaan mereka itu hanya akan dapat meyakinkan penyokong-penyokong mereka yang sedia ada saja.

Jen. Zia dari Pakistan pula turut sibuk cuba menjadi orang tengah dalam mendamaikan kedua-dua pihak yang sedang berperang itu. Dengan berbuat demikian, beliau berharap akan dapat menaikkan namanya di arena politik antarabangsa.

Ghafar Cuba Menawan Dunlop

Baru-baru ini, peniaga-peniaga dan kerajaan British menjadi gempar kerana terdapat desas-desus bahawa syarikat Dunlop Holdings Ltd., akan diambil-alih oleh segolongan peniaga Malaysia (dan Brunei) yang diketuai oleh Encik Ghafar Baba, salah seorang Naib-Presiden UMNO. Malahan, pihak Jabatan Perdagangan British telah pun menghantar dua orang pegawai mereka ke Kuala Lumpur untuk menjalankan penyiasatan ke atas pembelian saham Dunlop Holdings oleh ahli perniagaan Malaysia.

Gambaran mengenai pihak-pihak yang terlibat dalam rebutan kuasa untuk menguasai Syarikat Dunlop Holdings itu mula menjadi jelas apabila sebuah syarikat tempatan, Pegi Malaysia Bhd., mengumumkan yang ia telah membeli sebanyak 2.01 juta saham Dunlop Holdings yang bernilai \$8.34 juta. Dengan anak syarikatnya, Climate Engineering (Malaya), memiliki sebanyak 795,000 saham, ini bermakna syarikat Pegi telah me-

miliki sebanyak 2.805 juta saham Dunlop Holdings ataupun 2.1% daripada jumlah.

Syarikat Pegi pula adalah anak syarikat kepada Goodyield Plaza, yang merupakan salah sebuah syarikat dalam kumpulan syarikat Ghafar Baba (Eng Chin Ah, seorang peniaga tempatan yang terlibat dalam perundingan berkenaan, juga merupakan seorang pengarah dalam kedua-dua syarikat ini). Goodyield Plaza pula telahpun memiliki 3.25% dari saham Dunlop Holdings secara langsung. Dengan itu, Goodyield Plaza memiliki 10.1% dari jumlah saham Dunlop.

Walaupun Goodyield Plaza memiliki 10.1% saham Dunlop, tetapi ahli-ahli perniagaan Malaysia keseluruhannya memiliki bahagian yang lebih besar. Menurut Dunlop, ahli perniagaan Malaysia memiliki sekurang-kurangnya 21% daripada sahamnya. Pemegang saham Dunlop di Malaysia pula mendakwa bahawa mereka memiliki hampir 40% dari saham Dunlop.

Oleh itu, pihak Dunlop dan kerajaan British khawatir yang kumpulan Encik Ghafar akan dapat mempengaruhi ahli-ahli perniagaan Malaysia yang lain dan juga ahli-ahli perniagaan lain di rantau ini untuk mengambil alih syarikat itu. Di samping menjalankan penyiasatan, kerajaan British juga telah mengambil beberapa langkah lain untuk menghindar syarikat Dunlop mereka daripada jatuh ke tangan kumpulan Encik Ghafar.

Sekiranya Encik Ghafar Baba berjaya dalam usahanya mengambil alih syarikat Dunlop, beliau sudah tentu akan dapat memperkuatkan lagi kedudukannya sebagai seorang ahli perniagaan yang terpengaruh di negeri ini. Betapa tidak. Dunlop Holdings adalah sebuah syarikat multinasional yang besar. Pada tahun lepas, jumlah jualan berjumlah kira \$7.845 billion yang sama dengan 3.4 kali jumlah jualan kumpulan Sime Darby pada tahun yang sama. Jumlah jualan itu juga sama dengan 18.5% dari keluaran Negara Kasar Malaysia pada tahun 1979!

Dengan kejayaannya dalam bidang perniagaan, kedudukan Encik Ghafar Baba dalam UMNO juga akan bertambah kuat. Perkembangan ini mungkin akan mempengaruhi perkembangan politik negeri kita di masa akan datang, khasnya memandangkan pengundian untuk pucuk pimpinan UMNO pada tahun depan dan pemilihan Datuk Najib Razak dan Tamrin Ghaffar dengan undi terbanyak untuk menganggotai jawatankuasa kerja Pemuda UMNO pada pertengahan tahun ini.

Mengapa Rombakan Kabinet

Penggantian Datuk Seri Hamzah Abu Samah dalam rombakan kabinet 15 September lalu memang telah lama

NADI INSAN, NOVEMBER 1980

diduga atas sebab-sebab tertentu, tetapi, perletakan jawatan Tan Sri Kadir Yusof dan Datuk Samad Idris menimbulkan banyak tanda-tanda kerana kedua-dua mereka masih sihat lagi dan boleh terus berkhidmat. Kenapa pula mereka terpaksa mengundur diri?

Walaupun tiga orang menteri digugurkan, tetapi hanya dua orang Menteri baru — Datin Paduka Rafidah Aziz dan Datuk Mokhtar Hashim — saja yang dilantik. Kementerian Undang-Undang telah dimansuhkan. Menurut *Far Eastern Economic Review*, keputusan memansuhkan kementerian itu terpaksa dibuat di saat-saat terakhir kerana selain dari Datuk Hussein, Datuk Seri Hamzah, Tan Sri Kadir dan Tunjku Ahmad Rithaudeen, tiada seorang pun Ahli Parlimen Barisan yang layak memegang jawatan Peguam Negara.

Di samping itu, tujuh orang timbalan menteri baru turut juga dilantik. Antaranya, termasuklah Ketua Pemuda UMNO. Haji Suhaimi Kamaruddin, yang menjadi Timbalan Menteri Pertanian. Lebih ramai orang yang agak sangsi tentang keberkesanan Haji Suhaimi sebagai Ketua Pemuda setelah beliau hanya dapat memperolehi 4/7 dari jumlah undi dalam pilihan Ketua Pemuda UMNO baru lalu. Maklumlah dah jadi orang kuat kerajaan (walaupun hanya sebagai timbalan menteri sedangkan Timbalan Ketua Pemuda menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Dalam mana-mana parti, gejala kepuakan adalah perkara biasa. UMNO juga tidak sepi dari gejala kepuakan ini. Masing-masing puak sudah pasti akan mencari peluang untuk menguatkan kedudukan mereka apabila ada ura-ura yang kabinet akan dirombak. Puak mana agaknya telah menguatkan kedudukannya dan puak mana pula yang mengalami kerugian akibat dari rombakan kabinet yang baru lalu ini? Misalnya, apakah implikasi pemindahan Datuk Najib Razak ke Kementerian Pelajaran, dan sebaliknya perlantikan Shahrir Samad ke Kementerian Kewangan?

Dengan khabarnya, satu lagi rombakan kabinet akan diumumkan tidak lama lagi, Perlantikan Datuk Taib Mahmud sebagai Menteri Wilayah Persekutuan telah diramalkan sebagai satu langkah sementara saja sebelum beliau dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak yang baru. Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaacob difahamkan mengundurkan diri sebagai Ketua Menteri Sarawak. Perlantikan Bujong Ulis dari Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (PBB) sebagai Timbalan Menteri juga telah diramalkan sebagai satu langkah untuk membolehkan beliau dijadikan seorang Menteri penuh untuk mengisikan peruntukan PBB bila Datuk Taib balik ke Sarawak nanti. Selain dari itu, rombakan baru itu juga diramalkan akan mengujudkan satu kementerian baru, iaitu Kementerian Perikanan dan Koperasi. Sama ada ramalan-ramalan ini benar sama-samalah kita lihat. **NI**

30 TAHUN ASAS 50

Maksud "Seni Untuk Masyarakat"

Wira Jaya

Pada penghujung bulan Ogos, INSAN, dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, telah mengadakan acara semalam-sehari untuk memperingati Angkatan Sasterawan 50, yang lebih dikenali sebagai ASAS 50.

Malam 30 Tahun Yang Lalu

Majlis malam pada tanggal 22hb Ogos telah diresmikan oleh Y.B. Datuk Samad Idris, yang pada ketika itu masih menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang sebenarnya pernah juga terlibat dalam beberapa kegiatan ASAS 50 di Negeri Sembilan dahulu. Ucapannya telah memperbincangkan hubungan antara perkembangan sastera dengan perkembangan politik pada penghujung tahun 40an dan pada tahun 50an.

Malam 30 Tahun Yang Lalu itu telah dipengerusikan oleh Sdr. Adam Kadir, Ketua 1 PENA, yang pada peringkat permulaannya telah ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 1960 untuk melanjutkan warisan ASAS 50 yang bermula di Singapura pada tahun 50an.

Tokoh-tokoh ASAS 50 yang berucap pada malam itu termasuklah Keris Mas (Kamaluddin Mohamad), Asraf, Awam-il Sarkam dan A. Samad Said. Mengikut khabar angin, Usman Awang tidak hadir atas sebab-sebab kesihatannya. Dua orang tokoh ASAS 50 dari Singapura—Masuri S.N. dan Mohd. Ariff Ahmad (Mas)—tidak dapat hadir juga.

Kurangnya penceramah itu telah

mengecewakan para hadirin. Walaupun bagaimana pun, ucapan — terutama sekali ceramah Keris Mas (yang masih berpegang teguh pada prinsip-prinsip sastera ASAS 50) dan sajak-sajak A. Samad Said — (yang mewakili golongan perantaraan setelah barisan perintis ASAS 50 dan rela mengaku pengharganya terhadap tokoh-tokoh awal ASAS 50 itu) telah dapat menghidupkan semula semangat ASAS 50 dalam seminar di DBP pada malam itu.

Bengkel

Pada hari keesokannya, tiga bengkel yang berkaitan dengan sumbangan ASAS 50 telah diadakan di tempat yang sama. Beberapa Kertaskerja oleh Ahmad Sebi (pengerang *Sunday Mail*), Dr. S. Husin Ali, Dr. Wong Seng Tong (pensyarah UKM), Prof. Muhamad Hj. Salleh (UKM), Prof. Ismail Hussein (Ketua Satu GAPENA), Kassim Ahmad dan M.A. Thani (DBP) telah dipersembahkan untuk perbincangan umum. Bengkel-bengkel itu telah dipengerusikan oleh Dtk. Prof. Awang Had Salleh (Naib Canselor UKM), Baha Zain (Ketua Bahagian Pembinaan dan Perkembangan Sastera, DBP) dan Firdaus Abdullah (Pensyarah U.M.)

Walaupun beberapa soalan dan hujah yang kontroversial telah timbul pada sesi-sesi sebelah pagi, suasana perbincangan tidak begitu hangat. Perbezaan-perbezaan yang terdapat pun masih kabur. Walaupun bagaimana pun suasana dalam bengkel sebelah petang jauh berbeza. Ker-

taskerja Dtk. Prof. Ismail serta ulasan Keris Mas dan hujah beberapa orang lain telah meletuskan perbincangan yang hebat. (Misalnya, soal apakah kita sedang dan harus menggadaikan kebudayaan, termasuk sastera kita, kepada syarikat-syarikat antarabangsa untuk hadiah dan wang telah timbul).

Perbincangan pokok pada ketika itu sebenarnya berpunca daripada kekeliruan dari segi pemahaman terhadap beberapa isu penting. Perkaraperkara itu ialah matlamat ataupun tujuan seni, khususnya sastera, yang diperjuangkan oleh ASAS 50 dan implikasinya pada masa kini.

Seni Untuk Masyarakat: Populist Atau Committed

Mengikut Dtk. Prof. Ismail, pada masa sekarang GAPENA telah mewarisi apa yang pernah diperjuangkan oleh ASAS 50 dahulu dalam bidang sastera. Maksud cogankata *Seni Untuk Masyarakat* kepadanya ialah seni yang *populist* seperti sastera agraria. Soal isi dan rupa tidak patut timbul, menurutnya. Soal yang penting, mengikutnya, ialah apakah sastera itu dapat memenuhi apa yang dikehendaki oleh masyarakat. Dan oleh kerana sastera sekarang terbukti laku dan dikehendaki oleh masyarakat, sastera itu berjaya mencapai tujuan yang pernah diperjuangkan oleh ASAS 50 itu. Maka disini, jelaslah bahawa maksud *Seni Untuk Masyarakat* mengikut Dtk. Prof. Ismail ialah seni yang *populist* ataupun seni yang dikehendaki oleh masyarakat.

Pada orang lain pula, cogankata *Seni Untuk Masyarakat* mempunyai maksud yang jauh berbeza. Pada mereka ini, seni patut membela nasib rakyat, terutama sekali nasib rakyat jelata. Inilah yang dikatakan dilakukan oleh ASAS 50 dahulu dan semangat inilah yang harus dilanjutkan pada masakini, mengikut beberapa pembela pendirian ini, termasuk Keris Mas.

Jadi di sini, kita dapati bahawa cogankata *Seni Untuk Masyarakat* mempunyai maksud yang berlainan, iaitu seni yang membela nasib rakyat jelata, ataupun seni yang *committed*, yang mempunyai pendirian, iaitu seni yang terlibat (dalam perjuangan rakyat).

Pada Dtk. Prof. Ismail, tafsiran ini tidak sesuai lagi dalam masyarakat kita pada masakini. Padahal, masyarakat masakini jauh lebih kompleks dan *sophisticated* kalau dibandingkan dengan masyarakat yang—mengikutnya—masih *simple* pada tahun 50an. Mengikut hujahnya lagi, sastera dan sasterawan kini patut berkompromi dengan pihak pemerintah demi kepentingan kedua-dua pihak yang terlibat, serta kemajuan sastera itu sendiri.

Soal yang timbul dalam hal ini sebenarnya diselesaikan dalam bidang sastera secara terasing. Sebenarnya perkara-perkara kemasyara-

katan pada amnya terlibat. Misalnya, apakah pertentangan-pertentangan dalam masyarakat sudah diselesaikan, dan tidak perlu didedahkan lagi melalui sastera. Namun demikian, soal pokok di sini sebenarnya ialah soal peribadi, iaitu apakah seorang sasterawan itu sanggup terus memperjuangkan nasib rakyat sambil mengalami akibat daripada pendiriannya itu.

Dalam soal ini, biasanya, kita mengandaikan bahawa seorang sasterawan, seperti seniman lain, sentiasa berperikemanusiaan. Tetapi sebenarnya ini adalah pendirian yang berasas pada andaian bahawa seni seharusnya melambangkan kemanusiaan. Maka, soal pokok ialah apakah kita bersama-sama terima bahawa seni tidak patut bercanggah dengan kemanusiaan, dan oleh itu sentiasa harus mencerminkan unsur-unsur kemanusiaan yang suci.

Realisma Dalam Seni

Maksud yang ketiga yang timbul dari cogankata *Seni Untuk Masyarakat* ialah seni yang realist, ataupun seni yang mencerminkan hakikat atau keadaan sebenar. Realisma, sebenarnya, melibatkan soal isi, serta rupa, dan bukannya hanya soal bentuk atau gaya, seperti diandaikan oleh setengah pihak.

Dalam soal ini, kita harus menghadapi kritikan yang ditimbulkan oleh Dtk. Prof. Ismail tadi. Apakah benar bahawa masyarakat dahulu begitu *simple*, sedangkan masyarakat sekarang begitu kompleks? Pada hemat Saya, tidak boleh dinafikan bahawa masyarakat pada tahun 80-an jauh berbeza dengan masyarakat pada tahun 50an. Walaubagaimana pun ini tidak bermakna bahawa masyarakat pada tahun 50an itu merupakan masyarakat yang *simple*.

Di samping itu, tidak boleh dinafikan bahawa banyak karya-karya yang bukan hanya *simple* malah *simplistic*, dan oleh itu kurang halus dari segi seni. Kita sering menggunakan teknik mempermudah se-

suatu supaya perkara itu lebih jelas digambarkan dan lebih senang difahami. Dalam usaha membuat demikian, kita sentiasa menghadapi kemungkinan terlampau mempermudah sesuatu sehingga menjadi terlalu *simplistic*. Ini merupakan bahaya yang sering dihadapi dalam aliran sastera realis.

Kita harus juga mengingati bahawa pada tahun 50an, musuh seluruh masyarakat kita ialah penjajah asing. Tetapi pada tahun 80an, walaupun kuasa-kuasa asing masih kuat berpengaruh, peranan yang dimainkannya kurang nyata. Di samping itu, hal ehwal kebangsaan kita ditadbirkan oleh pemerintah tempatan, bukan lagi oleh kuasa asing. Dalam banyak perkara masakini yang melibatkan pertentangan hebat, kedua-dua pihak yang bertentangan merupakan orang tempatan. Garis-garis perbezaan sudah kurang nyata dan tidak lagi seperti dahulu. Mereka, dalam keadaan yang keruh ini, tugas sasterawan menjadi makin rumit. Sekurang-kurang dari segi ini, tidak boleh dinafikan bahawa masyarakat kita sudah menjadi makin kompleks.

Maka, aliran sastera realis terpaksa menyesuaikan dirinya dengan keadaan semasa. Tanpa membuat demikian, aliran ini tidak akan berjaya menarik peminat kerana akan terasing dari masyarakat sebenar.

Maka, kalau kita benar-benar ingin melanjutkan atau menghidupkan semula warisan ASAS 50 yang mulia itu, kita terpaksa memajukanya dari ketiga-tiga segi itu, iaitu ketiga-tiga tafsiran cogankata *Seni Untuk Masyarakat*. Sastera itu harus terus membela nasib rakyat jelata; supaya dapat berjaya membuat demikian, ia harus merupakan sastera yang realis, tetapi tidak *simplistic*, yang sesuai dengan keadaan masakini; kalau perkembangan sastera dapat berjaya dari dua segi itu, sambil dihidupkan oleh mutu estetik yang menarik, dengan sendirinya ia akan dapat memenuhi selera rakyat, malah memajukanya lagi.



Prof. Ismail Hussein

DAUD KATAK LOMPAT

H.A.H.

'...Kami seda akan kesulitan rakyat. Kami faham tentang penderitaan mereka. Kami tahu rakyat jelata kita miskin. ... Kemiskinan, penderitaan serta kesulitan ini ujud kerana terdapat sesuatu yang tidak betul dalam masyarakat kita. ... Oleh itu, rakyat kita sangat-sangat memerlukan pembelaan. ...'

Sebutir demi sebutir perkara-perkara ini keluar dengan lantang dari corong-corong pembesar suara yang didirikan di tengah-tengah padang yang luas itu.

'Itulah sebabnya,' sambung penceramah itu lagi, 'kami anjurkan Dasar Ekonomi Nasional yang bertujuan semata-mata untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan untuk mengujudkan sebuah masyarakat baru yang adil.'

Jurucakap itu berhenti sejenak untuk mengambil nafas. Ia sudah berpidato selama lebih dari satu jam. Mukanya kelihatan merah-padam, dan baju kemejanya basah-kuyup dengan peluh. Kemudian, dengan menekan suaranya lebih kuat lagi, ia berkata, 'Tujuan kami, tidak lain dan tidak bukan, ialah untuk mendapatkan kesenangan rakyat. ... Cita-cita kami, sungguh-sungguh, ialah untuk mencapai kebahagiaan rakyat. ... Idaman kami, sebenarnya, ialah untuk melempahkan kemakmuran kepada tiap-tiap rakyat dalam negeri ini. ...'

Ia berhenti seketika untuk mengambil nafas lagi. Selanjutnya, dengan suara yang agak keras, ia menyambung, 'Justru itu, kami berjanji akan berusaha, malah akan berkorban dengan nyawa sekali pun, untuk mengujudkan *a property-owning democracy*—yaitu sebuah masyarakat yang demokratik di mana tiap-tiap anggotanya adalah pemilik harta. ...'

Suara terakhir itu tenggelam dalam tepukan dari penyokong-penyokongnya yang mengerumuni pentas tempat ia bersyarah.

Rapat umum itu telah diadakan di Padang Bandar Hilir. Di Melaka, kalau hendak mendapat tuntunan yang ramai, perjumpaan-perjumpaan hendaklah diadakan di padang tepi laut itu, kerana pada tiap-tiap sore, kecuali hari hujan, dan terutama sekali pada petang minggu atau hari kelepasan lainnya, orang memang ramai bersiar-siar sambil makan angin di situ. Jadi, parti-parti politik yang sukar hendak menarik pendengar-pendengar ke tempat-tempat tertentu untuk mendengar dakyah mere-



ka, terpaksa pergi mendapatkan orang ramai di situ. Dengan jalan ini, rapat-rapat mereka akan kelihatan mendapat sambutan yang hebat.

Setelah rapat tersebut diistiharkan tamat, sekalian yang mengelilingi pentas itu mula bersurai. Ada yang beredar ke pinggir laut untuk menyambung semula bualan atau renungan mereka. Ada pula yang pergi ke *gerai-gerai* makan untuk menjamu selera. Ada juga yang terus pulang ke rumah. Penyokong-penyokong kuat pence-ramah tadi kelihatan mengelilingi pemimpin-pemimpin mereka atau mengemaskan tempat bersyarah.

Di antara orang ramai di padang malam itu, terdapat empat orang sahabat yang berada di situ khas untuk mengikuti rapat tersebut. Abu dan Lim, anak-anak jati

Melaka, disertai oleh tetamu-tetamu mereka dari luar, yaitu Hamzah dan Yunus.

Bila pensyarah tadi turun sahaja dari pentas, Abu, yang sedang duduk di atas rumput betul-betul berhadapan dengan Ibu Pejabat Dunlop Limited, berkata kepada kawan-kawannya, 'Mari kita cuba berjumpa dengan pensyarah penghabisan tadi itu.'

'Awak kenal dengan dia?' tanya Yunus yang sudah bangkit juga dari duduk.

'Saya kenal betul dengan Encik Daud. Mari kita tunggu dia di tempat letak keretanya di hadapan Pejabat Majlis Perbandaran.'

Keempat-empat saudara itu terus menghala ke tempat meletak kereta. Mereka terpaksa beransur perlahan-lahan kerana mengikuti arus orang ramai yang keluar dari padang itu. Mereka berhenti betul-betul di bawah pokok melaka di mana terletak kereta Mercedes 280 berwarna putih.

Sahabat-sahabat itu telah berada di padang itu sejak petang hari dan telah mendengar syarahan-syarahan dari awal hinggalah ke akhir. Selama empat jam itu dijalankan, seramai sembilan pemimpin telah berucap. Ada yang berucap dalam Bahasa Inggeris, ada di dalam Bahasa Tiong Hua dan ada juga yang menggunakan Bahasa Kebangsaan. Berbagai-bagai masalah telah disentuh, dikritik dan diulas.

Penceramah terakhir ialah Daud. Segak, tinggi, berbadan bush-jacket dan bermafla merah. Segak betul Daud di atas pentas, menggoyang-goyang tangan dan suaranya seperti ombak dan alun Selat Melaka, kadangkala tinggi dan kemudian rendah. Tanpa menunggu pengerusi menutup majlis, Daud terus turun dari pentas. Di bawah ia telah dikerumuni oleh pengikut-pengikut partinya. Setelah reda sedikit orang ramai di padang, ia bersama-sama dengan tiga orang kuatnya telah berjalan menuju keretanya.

'Apa khabar, Encik Daud?' seru Abu bila Daud sudah berdekatan dengan mereka.

'Khabar baik,' jawab Daud, yang belum lagi perasan siapa yang menyapanya. Dan apabila dikenalnya, ia terkejut dan berteriak, 'Eh, Abu. Apa awak buat di sini?'

'Saya baru balik kerana bercuti,' jawab Abu. 'Ini rakan-rakan saya—Hamzah, Lim dan Yunus. Kesemuanya dari Universiti Malaya.'

Mereka berjabat tangan.

'Bagus, bagus, bagus betul. Cocok sungguh. Saudara-saudara bercuti dalam masa pilihanraya. Bukanlah lebih baik saudara-saudara sekalian bekerja untuk saya dalam pilihanraya ini? Kalau ada penuntut-penuntut yang lain boleh juga bersama-sama. Saya akan beri elauns yang cukup. Kita perlu tenaga intelek. Dan saya tidak akan lupa budi saudara-saudara,' kata Daud dengan gembiranya.

Keempat kawan-kawan itu tersenyum.

Sebenarnya kemudian Hamzah berkata, 'Kami telah sempat dapat mendengar ucapan Encik Daud tadi. Sung-

guh banyak, nampaknya, perkara-perkara yang diutarakan. Sebenarnya, kami di sini kerana membuat kajian. Oleh itu, kami ingin mengetahui lebih dalam lagi tentang keadaan politik negeri kita. Kami kira, kalau dapat bercakap panjang dengan Encik Daud akan lebih menguntungkan kami.'

'Boleh, boleh, apa salahnya?' jawab Daud dengan ser-ta merta. 'Malam ini saya ada urusan penting. Esok pagi, ada *meeting* dengan perkerja-pekerja pilihanraya. Malam esok, rapat umum saya di Bacang. Silalah datang ke rumah saya esok petang pukul empat. Saudara-saudara ramai di sini? Bawa kawan-kawan yang lain juga. Abu tahu rumah saya. Boleh tolong saya buat propaganda? Di mana saudara-saudara menginap? Maafkan saya, terpaksa minta diri. Tidak dapat lama di sini, ada urusan yang penting.'

'Tidak mengapa. Kami faham Encik Daud sibuk,' sahut Abu. 'Kami akan pergi ke rumah Encik Daud esok petang pukul empat.'

Dengan tidak menunggu jawapan kepada soalan-soalan-soalan yang telah dikeluarkannya, Daud dengan orang-orang kuatnya telah masuk kereta dengan tergo-poh gapah dan terus keluar dari situ.

Keempat saudara-saudara itu tersenyum lagi dan beredar pula ke tepi laut.



Hamzah dan Yunus baru berada di Melaka selama dua hari. Selama dua hari itu, mereka berada dalam Bandar Melaka sahaja. Tetapi, sungguh pun baru duduk di Melaka sesingkat itu, tidak ada tempat yang mereka belum ziarahi lagi dalam lingkungan bandar tua itu. Mereka merasa bahawa Bandar Melaka terlalu kecil.

Hamzah dan Yunus telah meninggalkan Kuala Lumpur dua hari yang lalu. Mereka tiba di Pengkalan Bas Melaka pada kira-kira jam sepuluh pagi. Di Pengkalan Bas, kedua-dua sahabat itu telah disambut oleh rakan mereka, Abu, yang tinggal di Kampung Pulau Samak, kira-kira lima batu dari Bandar Melaka.

Hamzah, Yunus dan Abu telah berkenalan sejak mereka bersama-sama mendaftarkan diri di Universiti Malaya dua tahun enam bulan yang lalu. Sekarang ini ketiga-tiga sahabat itu sedang dalam tahun yang ketiga—Yunus dan Hamzah mendalami bidang sejarah dan sastera, manakala Abu pula di Fakulti Undang-undang.

Yunus dan Hamzah dahulu belum pernah bermalam di Melaka. Kedua-dua mereka itu pernah dibawa oleh keluarga mereka dari Utara ke-Singapura, melalui Melaka, Muar dan Batu Pahat. Mereka singgah di Melaka selama dua-tiga jam sahaja, untuk berihat-rihat. Jadi, mereka memang menunggu masa hendak mengetahui dengan lebih dalam lagi keadaan dalam negeri yang telah melah-

irkan pahlawan tidak asing dari Jebat.

Setiba sahaja di Melaka, Hamzah dan Yunus telah dibawa oleh Abu ke rumah rakan mereka, Lim, di Bukit Serindit. Lim adalah penuntut dalam bidang sains. Dari Kuala Lumpur lagi, kawan-kawan itu telah membuat rancangan hendak menginap di rumah Lim, dan di sini-lah mereka akan berada selama cuti mereka di Melaka.

Selain dari Lim, Hamzah, Yunus dan Abu berasal dari kampung-kampung di luar bandar. Yunus datang dari Perak dan telah dilahirkan di Kampung Alor. Hamzah pula berasal dari Kampung Pasir di Seberang Perai. Abu, sungguh pun lama merantau mengikut ayahnya yang berkhidmat sebagai mata-mata biasa, berasal dari sebuah kampung dalam Daerah Melaka Tengah. Lim sahaja yang dibesarkan dalam bandar; tetapi, Kampung Bukit Serindit, yang terletak di pinggir Bandar Melaka itu, masih berupa sebuah kampung yang belum lagi dinodai oleh pengaruh-pengaruh bandar.

Apakala tiba di pinggir laut, mereka terus duduk di atas simen. Kaki mereka, mereka juntaikan ke bawah ke arah lumpur laut dan keempat kawan-kawan itu memandang jauh ke arah pulau besar Sumatra.

Sejurus kemudian, Abu mulai berkata, 'Pulau Sumatera terletak tidak berapa jauh dari sini, kira-kira dua puluh lima batu sahaja.'

'Macam dari sini ke Tampin sahaja,' sambung Lim. 'Oh! Sungguh dekat,' sahut Yunus.

Kata Hamzah pula, 'Sungguhpun kita berdekatan dengan Sumatera dari segi kedudukan alam, kita berjauhan dari segi lainnya. Penjajah telah berkurun-kurun lamanya memisahkan kita dengan kepulauan yang lain juga untuk kepentingan mereka. Mereka telah membahagi-bahagi dunia antara mereka. Yang anihnya ialah, setelah jiran kita serta negara kita mencapai kemerdekaan dari penjajahan, polisi serta sistem yang mereka tinggalkan masih berjalan lagi. Kita masih berjauhan lagi!'

Kawan-kawan ini gemar betul berbincang tentang hal-hal politik. Semasa di kampus universiti, di waktu-waktu lapang, mereka, bersama-sama dengan sebilangan mahasiswa-mahasiswa lainnya, mereka selalu mengambil peluang untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata dan seterusnya tentang masa hadapan rakyat itu sendiri.

Mereka menyedari bahawa mereka sungguh-sungguh bernasib baik. Mereka adalah di antara sebilangan kecil yang mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah tinggi. Oleh kerana kesempatan ini, dan kerana sistem sosial yang ada juga, mereka akan dapat menyertai bilangan kecil elite yang mempunyai masa hadapan yang cermelang serta terjamin dalam negeri ini. Itulah sebabnya sebilangan besar dari mahasiswa-mahasiswa mahukan sistem ini diteruskan hingga ke akhir zaman. Tetapi, yang mengharukan fikiran keempat sahabat itu ialah, betapa hal rakyat lainnya yang tidak senasib dengan mereka?



Sewaktu di sekolah menengah dahulu, mereka selalu ditegur agar supaya jangan berkecimpung dalam politik. Ketika itu, sekali pun mereka tidak dilarang, pengetahuan politik mereka tipis sekali untuk berbuat apa-apa. Masa ini juga mereka masih tidak digalakkan berpolitik. Tetapi, keadaan sekarang sudah berlainan sungguh. Bukan sahaja mereka sudah dewasa, sekarang ini mereka berada di universiti, tempat tertinggi dalam menuntut pengetahuan. Mereka menyedari juga bahawa apakala keluar dari universiti kelak tidak lama lagi, mereka memang dikehendaki memimpin negara serta rakyatnya. Oleh itu, sekiranya tidak langsung mahu mengambil tahu tentang politik, dan tidak mempunyai kesedaran politik apa-apa, mereka terpaksa akhirnya menjadi *pak turut* politik sahaja.

'Kita patut membuat persediaan untuk berwawancara dengan Encik Daud itu esok petang,' kata Limi sambil melempar sebutir batu ke laut.

'Saya tidak setuju,' kata Yunus.

'Ya, Saya juga tidak bersetuju. Dalam rapat umum, si politikus berucap. Kita mendengar sahaja, tidak dapat mencelah langsung. Berwawancara pula, kita menyoal sahaja, dan tidak dapat sama berbincang,' kata Hamzah.

'Kita mesti berpolemik dengan dia,' kata Yunus lagi. 'Kita mesti berbincang dengan dia untuk menguji kematangannya dalam politik negeri kita.'

Perbincangan-perbincangan mereka di universiti selalunya berpusing kepadamasalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata, yang sebilangan besarnya adalah orang yang miskin. Bila mendalami masalah kemiskinan ini, selalunya mereka terpaksa mengkaji sebab-musabab yang melahirkan kemiskinan itu. Dan setelah menyedari sebab-sebab yang betul, mereka terpaksa pula mencari penyelesaian atau pun jawapan untuk mengatasi kemiskinan itu.

Perbincangan-perbincangan mereka umumnya menyetuh perkara-perkara teori politik sahaja. Di universiti mereka dapat mencari serta mendalami teori-teori yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata, sungguh pun banyak bahan bacaan tidak dibenarkan baca. Sebelum dapat mengamalkan teori ini, mereka sedari, mereka terpaksa turun ke kampung-kampung dahulu, bukan sahaja untuk mengetahui lebih dalam lagi harapan serta kesulitan rakyat, bahkan ada kalanya terpaksa juga berusaha untuk mempertingkatkan kesedaran politik rakyat itu sendiri.

Sebagai mahasiswa-mahasiswa yang sedar sedikit, keinginan mereka untuk membuat kajian di kampung-kampung telah lama ada. Sebenarnya, sungguhpun mereka berasal dari kampung, pengetahuan mereka tentang nasib, kesulitan serta harapan orang-orang kampung cetek sekali. Yang telah-telah lalu mereka hanya *tinggal* di kampung. Mereka menerima sahaja apa-apa peraturan yang telah ada. Mereka tidak mengambil tahu langsung tentang soal-soal politik, ekonomi dan sosial yang terda-


pat di sekeliling mereka. Mereka mengambil berat tentang diri serta keluarga mereka sahaja.

Kebetulan pada ketika itu, universiti sedang bercuti peluang untuk mengetahui lebih dalam lagi kesulitan-kesulitan rakyat telah terbuka. Dan kebetulan juga masa itu, negeri sedang menghadapi pilihanraya umum—peluang bagi rakyat jelata menyuarakan kemahuan mereka tiba kembali. Keadaan ini kepada mahasiswa-mahasiswa itu merupakan *pucuk dicinta, ulam mendatang*.

Dari perbincangan-perbincangan di kampus, mereka menyedari bahawa perjuangan secara pilihanraya adalah salah-satu cara untuk mencapai kuasa politik. Dan kuasa politik ini kalau sungguh-sungguh memang boleh digunakan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata. Oleh itu, mereka telah mengambil ketetapan untuk mempelajari pilihanraya umum ini bukan sahaja untuk memahami dari dekat kuasa-kuasa atau pun golongan-golongan yang mengambil bahagian dalamnya, tetapi juga untuk mengenali lebih dalam lagi jaguh-jaguh yang menawarkan diri untuk menyuarakan hasrat rakyat jelata.

Memandang ke arah Abu, Hamzah bertanya, 'Bagaimana latar belakang Encik Daud kita itu?'

Abu, dengari perlahan, menerangkan, 'Dia lahir kira-kira dalam tahun tiga puluhan. Ayahnya, seorang buruh kasar, telah meninggal di waktu ia dalam sekolah rendah lagi. Dari tarikh peninggalan ayahnya, ia terpaksa menca-





ri makan untuk adik serta ibunya. Keluarganya paling miskin. Ia terpaksa menjual kuih, memelihara kambing dan memungut bola tenis, pada petang hari dan hari kelepasan ia berusaha dengan sendiri sehinggakan tamat sekolah menengah.'

'Nyata benar dia datang dari keluarga yang amat susah. Tetapi, ia rajin dan tiada keciwa,' kata Yunus.

'Apa pula aktivitinya setelah lepas dari sekolah?' tanya lagi Hamsah.

'Dia mula berkerja sebagai buruh dalam kilang tepung. Dilantik menjadi ketua cawangan kesatuan sekerja. Cukup giat dalam gerakan kesatuan sekerja. Berhenti kerja setelah dilantik menjadi ketua kesatuan sekerja di peringkat negeri. Juga, menjadi pengarah Bank Syarikat Kerjasama serta dua syarikat yang lain,' sahut Abu.

'Wah! Sekarang sudah tidak miskin lagi, nampaknya,' kata Lim.

'Begitulah, nampaknya,' sambung Abu.

Mereka berempat terus berbual tentang berbagai-bagai tajuk yang lain hinggalah ke tengah malam. Bila sudah tiada orang lain di tepi laut itu, mereka bangkit dan mula berjalan kaki pulang ke Bukit Serindit melalui Bukit Cina dan Bukit Gedong.

Tepat jam empat petang pada hari esoknya, keempat-empat saudara itu sudah berada di perkarangan rumah Daud di Bukit Peringgit. Setelah membunyikan loceng pintu, mereka telah dibawa masuk oleh seorang perem-

puan setengah umur. Mereka duduk menunggu Daud di bilik tetamu di hiasi indah.

Rumah Daud berbentuk rumah limas. Rumah itu baru sahaja dibina, baru berusia dua tahun. Laman rumahnya agak luas, ada tempat letak kereta dan lapangan permainan badminton juga.

Sedang rakan-rakan itu duduk di atas kusyen kerusi moden, Daud masuk ke ruangan tetamu dengan tergo-poh-gopoh dengan memakai seluar panjang putih dan kemeja tangan panjang yang berwarna biru muda.

'Apa khabar, saudara-saudara?' tanya Daud. 'Tepat, betul saudara-saudara sampai.' Sambil duduk di kerusi besar menghadapi tetamu-tetamunya dengan kakinya terletak di atas peletak-kaki, ia bertanya lagi, 'Bagaimana saudara-saudara ke mari tadi? Apa saudara-saudara mahu minum? Bir atau stout?' Sebelum tetamu-tetamunya sempat menjawab, Daud terus mencadang, 'Saya fikir baik kita minum bir. Bir menyejukkan, terutama sekali selepas bekerja kuat. Bir memang baik untuk anda.' Dia cuba bersenda.

Serentak, keempat kawan-kawan itu menjawab, 'Kami tidak minum bir. Minuman sejuk yang lain memadai-lah.'

'Oh! Belum lagi. Apa salahnya mulai dari sekarang?' tanya Daud. 'tidak apalah, bila keluar dari universiti nanti dan sudah berjawatan tinggi pula, saya yakin saudara-saudara akan mula minum.' Daud mengusik sambil berteriak ke dapur. 'Tolong buat empat *'fresh orange'* untuk tetamu-tetamu kita ini. Dan satu gelas stout untuk saya.'

Daud selepas itu mula berkata, 'Apa macam awak semua dengar ucapan saya semalam?'

Abu yang kenal betul dengan Daud telah menjawab, 'Suara Encik Daud betul keras serta lantang. Nampaknya, Encik cekap berucap. Saya kira Encik Daud bercakap tidak kurang dari tiga puluh minit, yang panjang sekali.'

'Oh, saya mempunyai banyak pengalaman tentang memberi ucapan,' kata Daud dengan gembira sambil tersenyum lebar. 'Saya sudah bersyarah di hadapan khlayak ramai selama lebih dari sepuluh tahun. Kalau ada masa lagi semalam, saya boleh berucap satu jam lagi. Memang, kalau tidak ramai penceramah-penceramah, saya seorang sahaja boleh bercakap selama dua jam.'

'Banyak sungguh perkara-perkara yang mesti dibincang dalam masa dua jam itu,' kata Abu sangsi terhadap dakwaan Daud itu, terutama sekali tentang isi ucapannya.

'Oh, saya boleh berucap berkenaan dengan berbagai-bagai masalah. Tetapi, malam semalam saya telah ditugaskan memberi penerangan tentang dasar ekonomi parti kami sahaja,' kata Daud dengan mudah.

'Kami sekalian geli mendengar Encik Daud menyatakan malam tadi bahawa parti-parti lain telah mengelar Encik Daud *katak lompat*,' kata Abu menjolok.

'Mereka semua kurang ajar,' kata Daud tersinggung.

'Di atas pentas mereka berani menuduh saya *katak lompat*. Saya akan ajar mereka. Saya akan mengadu kepada peguam saya.'

Sebentar kemudian, Abu cuba mengingatkan sejarah lama. 'Dahulu, saya ingat, Encik Daud pernah menjadi orang kuat Parti Buruh.'

'Oh, itu perkara lama, berzaman dahulu.' Daud cuba menangkis hujah itu. 'Saya sudah lama keluar dari parti itu. Parti itu pun sudah bungkus tikar bantal. Jalan mereka tidak betul. Dasar parti itu terlalu cetek, tak memberikan perhatian kepada masalah dalam negeri. Mereka mengaku sosialis, tetapi terlalu kiri. Pada fikiran saya, sosialisme yang patut diamalkan dalam negeri ini patut mengambil kira ciri-ciri masyarakat, kebudayaan dan bahasa kita.'

Sejenak kemudian Abu mendesak lagi, 'Lepas itu Encik Daud menjadi orang kuat Parti Gerakan pula.'

'Oh, Ya. Lepas keluar dari Parti Buruh, saya turut sama menubuhkan Parti Gerakan. Dalam Parti Gerakan itu, sebahagian dari ahli-ahlinya berasal dari Parti Buruh dan sebahagian lagi dari Parti Nasional. Lama kelamaan, kami tak dapat bekerjasama lagi kerana setengah menarik ke kiri dan setengah lagi ke kanan.'

'Di mana Encik Daud berdiri? Kiri atau kanan?' tanya Yunus.

Daud membeku sahaja.

Abu terus menekan lagi, 'Kemudian Encik Daud tubuhkan Pekemas.'

'Ya. Keluar dari Gerakan, kami tubuhkan Pekemas.' Daud berhenti sejenak. Dengan tidak menanti kuitan dari Abu lagi, ia meneruskan penerangannya, 'Dalam pilihanraya, rakyat tidak menerima Pekemas. Oleh itu, kami pun keluar dari Pekemas dan terus masuk DAP.'

Abu tersenyum setelah membuktikan bahawa Daud telah melompat dari satu parti ke parti yang lain.

'Sekiranya rakyat tidak menerima DAP, tetapi memberi sokongan kepada Parti Nasional, kami yakin Encik Daud akan terus melompat masuk Parti Nasional pula?' kata Yunus dengan lekas.

'Bukan *melompat*,' sahut Daud dengan agak keras sedikit. 'Kami tidak menerima fikiran Parti Nasional. Dan lagi, tradisi kami sentiasa dengan parti pembangkang.'

'Saya tidak hairan kalau Encik Daud dah melompat dari Parti Gerakan ke Parti Pekemas dan kemudian ke Parti DAP akan melompat ke Parti Nasional,' kata Hamzah dengan menegaskan pada perkataan *melompat*.

'Lagi-lagi *melompat*.' Daud berasa marah sedikit, tetapi ia sendiri telah mengakui ketepatan perkataan itu.

'Baiklah, biar kita berpindah sedikit,' sambung Hamzah. 'Kerana kesemua parti-parti ini adalah parti kanan, menyokong *status quo*, yaitu mahu mengekalkan keadaan yang ada sekarang ini, keadaan lanjutan dari sistem penjajahan. Perbezaan antara parti-parti ini cuma perbezaan *degree* sahaja. Tetapi, berpindah dari Parti Buruh, sebuah parti kiri, ke parti yang lain-lain itu adalah peru-

bahan yang besar, perbezaan bukan *degree*, tetapi prinsip.'

'Apa itu kiri dan kanan?' tanya Daud dengan agak keras sedikit. Ia terus berkata, 'Kiri dan kanan itu *relative*. Kalau kita berjalan terus ke kanan, kita akhirnya akan sampai ke kiri juga.'

Keempat kawan-kawan itu tersentak.

Hamzah telah menjawab dengan lekas, 'Tetapi, sekiranya kita berjalan terus, tidak mengikut muka kita yang bulat itu, kiri dan kanan tidak akan bertemu.'

Keempat kawan-kawan itu tersenyum. Tetapi Daud mendiamkan diri sahaja.

Hamzah menyambung lagi, 'Parti kanan mahu mengekalkan keadaan ekonomi yang ada sekarang ini. Parti kiri pula mahu bekerja untuk kemerdekaan ekonomi, yang harus mengekori kemerdekaan politik. Yang satu mahukan perubahan, yang satu lagi tidak mahukan perubahan. Rakyat terpaksa pilih antara dua ini.' Hamzah gembira dapat mengajar seorang ahli politik *alif-be-te* politik.

Daud menunjukkan muka yang masam sahaja. Ia lalu berkata, 'DAP adalah sebuah parti sosialis. Konsep sosialisme kami ialah kehidupan seseorang itu menurut kebolehan dan kemampuan masing-masing. Sosialisme kami berdasarkan fahaman keadilan sosial. Kalau saya mem-



Khobar Dari Anak Jembel

anak jembel musim kemarau
suaranya garau
hanya duduk berazan di surau
musim ini tak ada kerja dia
padi tak menjadi
ikan keli sudah mati
ikan sepat sudah mati
ikan ruan sudah mati
apa lagi yang dicari
duduk sajalah di surau ini
nama tuhan disebut bertubi-tubi
musim hadapan pasti ada rezki

anak jembel musim tengkujuh
batang getah tak boleh ditoreh
tidak duti dia hari-hari begini
mandi-mandi sajalah dalam parit keruh ini
untung-untung banyak udang galah mabuk datang menyerah
wah sekati dua belas wang terjumlah
tak habis belanja beli kupiah untuk kawin dengan si peah
mana tahu udang datang berganda-ganda
ah penuh rumah dengan wang merah buat tambang ke mekah
angan-angan pun jadilah
kurang sedikit angkara belukar perut
yang senantiasa berdenyut

anak jembel pergi ke bandar
bertanya khabar kononnya di sana kerja banyak benar
di bandar dia duduk di rumah kilat
cukuplah untuk menulis surat ke kampung
aduh aku sekarang beralamat kuala lumpur
kerja memang banyak asal saja jangan tamak
anak jembel memang tidak tamak
cukup benar ajaran ayah emak
terima saja berapa jua
tiga ringgit sehari!
wah rezki baik sekali
tak pernah ia dapat wang begini

campur gaji semalam akan datang dan hari ini
berganda pula dengan seribu hari
waduh sudah menyamai gaji menteri
kerja cuma dua belas jam sehari
sudah boleh hantar wang ke kampung berguni-guni
ah anak jembel sungguh puas hati

suatu hari anak jembel dijumpai manusia
katanya dia mahasiswa
dia beri poster suruh tampal balik kampung
negeri ini salah tadbir
janji menteri semua mungkir
kita kena tindas
kita kena peras
kita mesti balas
darah kita panas
anak jembel cuma geleng kepala
tak faham dia
budak itu dari mana
tak berugamakah dia
tak syukurkah dia
kenapa dia tak kerja
sedap benar dia bercakap
bolehkah dia diharap

anak jembel tak mengerti
ia kemari cari rezki
cukup wang pulanglah nanti
si peah dah lama menanti
peah pasti setia
dia tak mau apa-apa
sakit demam dialah yang picitkan kepala

anak jembel pun tidur
hari esok tak payah atur-atur

Nordin Kardi
Universiti Michigan Barat

Lahirnya Dramatis Berjebat

Wira Jaya

Semenjak penghujung tahun 50an, hikayat Hang Tuah yang bersejarah itu telah mula diberi tafsiran baru. Walaupun filem Hang Tuah oleh P. Ramlee berdasarkan tafsiran tradisional, kajian ilmiah Kassim Ahmad untuk Universiti Malaya — yang pernah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka — menganggap Hang Jebat sebagai pahlawan kritis yang sanggup mempersoalkan fahaman kesetiaan yang tidak terhingga. Kemudian pula, sejak Kassim Ahmad telah menonjolkan simbol Jebat yang baru ini.

Beberapa tahun kemudian Usman Awang telah mengarang dramanya yang berjiwa tafsiran ini berjudul *Matinya Seorang Pahlawan*. Jebat memberontak kerana hukum tidak adil pihak sultan terhadap sahabat Karibnya Tuah, yang dibuang negeri dan kemudiannya dihukum mati oleh istana. Maka, Jebat menjadi pembela Tuah yang menuntut keadilan terhadap kuasa sultan yang disalahgunakan.

Sebaliknya Hang Tuah, yang terus setia kepada sultan walaupun telah disalah hukumannya, menurut perintah sultan supaya menghapuskan cabaran Hang Jebat itu. Kisah ini sentiasa disebutkan sebagai contoh kesetiaan terhadap sultan ataupun pemerintah yang tidak terhingga, misalnya dalam buku *Protector* oleh Dr. Chandra Muzaffar baru-baru ini. Mengikut tafsiran baru yang dipelopori oleh Kassim Ahmad itu, Jebat — yang sebelumnya sentiasa ditonjolkan sebagai seorang perwira tidak bertanggungjawab dan taat — dijadikan pahlawan gagah dan berani membela keadilan.

NADI INSAN, NOVEMBER 1980

Tafsiran ini diperkembangkan lagi dalam drama *Jebat* oleh Dinsman pada awal tahun 70an, yang menganggap Jebat sebagai lambang angkatan baru yang membela nasib rakyat terhadap pemerintah yang telah menyeleweng. Beberapa persembahan drama Usman Awang itu di kampus-kampus dan melalui TV terus menyampaikan tafsiran yang lebih kurang serupa.

Maka, inilah warisan mulia yang diterus sambungkan oleh Hatta Azad Khan. Ia melanjutkan, malah mempermasakinkan tafsiran yang diperbincangkan tadi. Jebat menjadi seorang pegawai istana yang berbudi baik yang sanggup mengagihkan bekalan istana — termasuk minyak dan gulai — kepada rakyat yang papa dan derita. Tuah pula merupakan pemalas yang tidak sesuai lagi dengan zamannya, sedangkan sultan menerima segala nasihat yang diberi oleh bendaharanya yang bodoh. Terdapat juga kunci-kunci istana yang menjadi perisik.

Jebat menuntut keadilan dan cuba memperjuangkan nasib rakyat jelata. Ia cuba membuat baik dari dalam sistem, dan oleh itu semestinya gagal terhadap kepentingan

yang menguasai pemerintahan. Akibat kelakuannya yang tidak sesuai itu, dia terpaksa dihapuskan.

Melalui edegan-edegan serta dialog yang lucu dan tajam, Hatta telah berjaya mempersembahkan sebuah drama yang melambangkan jiwa watak utamanya. Hatta dapat berjebat melalui Jebat. Jebat dijadikan lambang yang menentang penindasan dan ketidakadilan. Jodol dramanya jebat, bukan Jebat. Setiap insan yang sanggup boleh menjebatkan diri.

Walaupun bagaimanapun, Jebat boleh dan harus diperkembangkan lagi. Persembahan di UKM baru-baru ini, malangnya, tamat dengan edegan yang lemah, yang sungguh mengkaburkan utusan drama berkenaan. Kalau Hatta dapat berjaya dari segi ini, Jebat akan merupakan satu perkembangan di teater tempatan yang sungguh mengagumkan. Diharapkan inilah yang akan mempelupuri jiwa drama pada tahun 80an. Satu drama Hatta yang dikarang semasa dia belajar di USM dulu telah dipersembahkan sehari sebelum *Jebat*. Persembahan *Mayat* dari segi teknik mahupun dari segi isinya jauh berbeza dengan Jebat. Nampaknya, Hatta telah menjadi lebih matang dalam beberapa tahun ini. Pengulas ini mengharap juga bahawa Jebat dapat dipersembahkan di seluruh tanahair, bukan hanya di kampus Bangi yang mempunyai bilangan penonton dan peminat yang amat terhad.

Terus berjebat Hatta!



KEMAMPUAN REALISME DALAM PERFILEMAN TERBUKTI

Semenjak zaman Sukarno, perfileman Indonesia tidak menghasilkan banyak yang boleh dikatakan mulia. Walaupun peralihan dari filem hitam putih ke filem berwarna sudah lama berlaku, dan banyak pembaharuan lain dari segi teknik tercapai, perfileman Indonesia di bawah Orde Baru tidak pernah menghampiri mutu yang tercapai oleh tokoh-tokoh perfileman, seperti Barzuki Effendi, pada zaman Orde Lama.

Pembikinan *November 1828* oleh Teguh Karya membawa nafas baru kepada perfileman Indonesia. Mungkin terdapat filem-filem Indonesia lain yang melebihi *November 1828* dari segi teknik dan sebagainya. Malah, terdapat beberapa kelemahan dari segi teknik dalam filem tersebut, misalnya, penyuntingan filem berkenaan kurang cekap; oleh demikian, edisi filem itu yang diterbitkan di luar negeri adalah lebih kurang 150 minit, dan yang lebih penting, bahagian-bahagian tertentu berkembang terlalu perlahan.

Kejayaan *November 1828* adalah dari segi lain. Ceritanya tidak begitu kompleks. Ia mengisahkan perkembangan serta kejadian yang akhirnya telah membawa kepada pemberontakan terhadap penjajah Belanda di sebuah kampung di Jawa.

Ceritanya bermula dengan pemburuan dan penangkapan seorang pejuang anti-penjajah. Babak-babak ini juga menggambarkan pengkhianatan yang dilakukan oleh petualang yang sanggup bekerjasama dengan pemerintah penjajah.

Kekuatan para penentang berpunca dari keyakinan serta kebudayaan mereka. Sambil menghormati unsur-unsur ini, kita juga melihat kekurangan pihak ini yang berpunca dari sumber-sumber itu juga. De-

ngan cara ini, kita dapat memahami mengapa pemberontakan yang dipimpin oleh Diponegoro terhadap Belanda di Jawa dahulu telah gagal pada akhirnya.

Hikayat ini digambar penuh dengan unsur-unsur realis. Ahli-ahli keluarga si pejuang itu, misalnya, dapat menarik hati kita dengan perasaan-perasaan yang dilakonan. Di samping itu pula, pegawai-pegawai tentera Belanda juga digambarkan sebagai insan yang biasa. Tiada watak yang terlalu simplistik yang tidak dapat diterima akal.



Unsur dalam filem *November 1828* yang paling luarbiasa, pada pendapat saya, ialah cara penggambaran pemberontakan di kampung itu. Jarang sekali, kita dapati kebangkitan rakyat jelata digambarkan dengan cara yang meyakinkan. Biasanya, percubaan-percubaan dengan tujuan yang serupa tidak dapat diterima akan kerana terlalu simplistik atau romantik. Dalam *November 1828*, kita dapat mengikuti bagaimana orang-orang kampung biasa dapat melibatkan diri dalam perjuangan anti-penjajah pada peringkat desa melalui kegiatan dan tindakan yang tidak melibatkan silat ala kung fu, kekebalan atau unsur-unsur ajaib.


Teguh Karya berjaya menggambarkan bagaimana rakyat massa dapat menjadi hero. Dalam babak penghujung misalnya, kita dapati

bahawa tentera pemberontak yang dipimpin oleh Imam Sentot hanya menyertai pejuang-pejuang di kampung setelah mereka telah memulakan peperangan terhadap tentera penjajah. Malah, nampaknya, pemimpin tentera pemberontak, iaitu Imam Sentot, tidak begitu berani kalau dibandingkan dengan orang kampung yang biasa, seperti pemuda-pemuda sekolah pondok dan sebagainya.

Satu lagi ciri yang amat menarik kepada pengulas ini ialah kegunaan amalan-amalan budaya oleh para pemberontak. Penggambarannya tidak hanya dapat menghidupkan filem itu, tetapi juga dapat memberi erti dan maksud yang baru kepada seni yang diamalkan itu.

Kejayaan Teguh Karya dari dua segi ini—iaitu dengan penggambaran rakyat jelata sebagai penentu nasib mereka sendiri serta penggambaran amalan budaya sebagai senjata dalam perjuangan—meningkatkan taraf filemnya bukan hanya di Indonesia tetapi juga pada peringkat antarabangsa. Di rantau Asia Tenggara, karyanya dapat dibandingkan dengan filem-filem Lino Broca dari Filipina serta pengarah Thai yang membuat filem *Guru Desa* yang pernah ditayangkan dalam Pesta Filem ASEAN di Kuala Lumpur pada tahun lalu. Saya sedang menunggu filem-filemnya yang akan datang.

NI



UNTUK NUSA DAN BANGSA

WATANI

DITERBITKAN SETIAP HARI JUMAAT

K.D.N. 0080/80

399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.
Tel: 980044.

Cable: WATANIAH Kuala Lumpur
P.O. Box 2454

Rasa Perisa



Cemerlang laksana emas Benson & Hedges...
rasa yang cukup bermutu di dunia

Dicipta dan disempurnakan oleh Gedung Benson & Hedges

AMARAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA:
MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN